



Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
Kementerian Sumber Manusia, Malaysia

LAPORAN TAHUNAN 2013

MENGARUSPERDANA LATIHAN KEMAHIRAN

www.dsd.gov.my



Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
Kementerian Sumber Manusia, Malaysia

LAPORAN TAHUNAN 2013

MENGARUSPERDANA LATIHAN KEMAHIRAN

www.dsd.gov.my

LAPORAN TAHUNAN 2013 JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Diterbitkan oleh:

Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia
Aras 7-8, Blok D4, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Putrajaya, Malaysia.

Hak cipta © 2014 Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

Hak cipta terpelihara. Tiada kandungan di dalam penerbitan ini boleh disalin atau diedarkan di dalam apa-apa bentuk atau cara, elektronik atau mekanikal, termasuk salinan fotokopi, rakaman atau apa-apa sistem penyimpanan tanpa kebenaran dari pemegang hak cipta.

Dicetak oleh:

RTS Typesetting and Trading
No. 14 Jalan Jemuju Empat 16/13D, Seksyen 16,
40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel: 603-5510 4254 / 4758 Faks: 603-5510 4059
Emel : rts_typesetting@yahoo.com

KANDUNGAN

Kata Alu-Aluan	8
----------------	---

BAB 1	
Profil Korporat	11

1.1 : Visi, Misi, Objektif, dan Fungsi	12
1.2 : Piagam Pelanggan	12
1.3 : Dasar Kualiti Jabatan	12
1.4 : Carta organisasi JPK	14
1.5 : Fungsi Bahagian	16

BAB 2	
Pengukuhan Sistem Pentauliahan Dan Persijilan Kemahiran Malaysia	17

2.1 : Pentauliahan	18
2.1.1: Pentauliahan Melalui Pusat Bertauliah	18
2.1.2: Pentauliahan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	20
2.2 : Program Antarabangsa Melalui SkillsMalaysia INVITE	22
2.2.1: Pentauliahan Pusat Bertauliah Antarabangsa	22
2.2.2: Statistik Pelajar Antarabangsa Tahun 2013	23
2.3 : Persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)	23
2.4 : Pengiktirafan Graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)	24
2.4.1: Pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	24
2.5 : Artikulasi Program Kemahiran Dan Program Akademik	25
2.5.1: Seminar Artikulasi Persijilan Kemahiran Malaysia.	28
2.6 : Majlis Konvokesyen CIAST	29
2.7 : Majlis Konvokesyen SLDN	31

BAB 3	
Pemeriksaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)	33

3.1 : Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK)	34
3.2 : Majlis Penyelarasan Kemahiran Kebangsaan (MPKK2)	34
3.3 : Jawatankuasa Tetap Penyelarasan Antara Agensi Latihan (JTPAAL)	35
3.4 : Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK)	35
3.5 : Analisis Pekerjaan (<i>Occupational Analysis</i> (OA))	35
3.6 : Pembangunan <i>National Occupational Skills Standard</i> (NOSS)	36
3.7 : Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran	37
3.8 : Program Pemeriksaan Sistem Pentauliahan dan Persijilan Kemahiran Malaysia	38
3.8.1: Klinik Bimbingan Dan Khidmat Nasihat Pentauliahan Program Kemahiran 2013	38
3.8.2: Bengkel Kerja Pemantapan Panel Penilai Pentauliahan Program Kemahiran (PPPPK)	39

3.8.3 : Klinik Bimbingan dan Khidmat Nasihat Persijilan Program Kemahiran 2013	39
3.8.4 : Bengkel dan Lawatan Penandaarasan bagi Penyeragaman Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)	40
3.8.5 : Bengkel Pembangunan dan Penyemakan Panduan PPT	43
3.8.6 : Bengkel Semakan dan Penyediaan Kertas Cadangan Tambahan bagi Penerimaan SKM, DKM dan DLKM Sebagai Salah Satu Syarat Lantikan ke Skim Perkhidmatan Awam.	43
3.8.7 : Kursus Pemantapan PP-PPT dan PPL-PPT Dalam Penilaian DKM dan DLKM	43
3.9 : <i>National Blue Ocean Strategy</i> (NBOS)	44
3.9.1 : Pusat Transformasi Luar Bandar (<i>Rural Transformation Centre</i> , RTC)	44
3.9.2 : Pusat Transformasi Bandar (<i>Urban Transformation Centre</i> , UTC)	45
3.9.3 : Skim Kemahiran Dan Kerjaya 1MALAYSIA (SKK1M)	45
3.10 : Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran	47
3.10.1 : <i>APEC New Strategy For Structural Reform (ANSSR): Enhancing The Quality And Relevance Of TVET For Current And Future Industry Needs</i>	47
3.10.2 : Pembangunan Kapasiti - Rasionalisasi Penawaran dan Permintaan Tenaga Kerja <i>Technical and Vocational Education and Training</i> (TVET)	50
3.11 : Penarafan Bintang Program Bertauliah di Pusat Bertauliah (PB) Tahun 2013.	51
3.12 : Pengiktirafan Latihan Kemahiran Melalui Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM)	54

BAB 4

Pemeriksaan Jenama SkillsMalaysia

4.1 : Mengarusperdana Latihan Kemahiran Malaysia Melalui Jenama Aktiviti SkillsMalaysia	58
4.1.1 : Pertandingan kemahiran peringkat dunia atau <i>World Skills Competition</i> (WSC)	58
4.1.2 : Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM)	61
4.1.3 : MySkills	62
4.2 : Promosi Latihan Kemahiran Malaysia Melalui SkillsMalaysia INVITE	63
4.3 : Program Kesedaran Bagi Memartabatkan Latihan Kemahiran	66

BAB 5

Jalinan Erat Bersama Industri

5.1 : Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK)	72
5.1.1 : Seminar Industri bagi dua (2) sektor utama	73
5.2 : <i>Industry Lead Body</i> (ILB)	74
5.3 : Program SkillsMalaysia Partnership (SMP)	79
5.3.1 : Pelaksanaan Program Promosi PPT-PSMB	80
5.4 : Kerjasama Strategik Bersama Industri	81
5.4.1 : Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan Edu- International Sdn Bhd (EISB) mewakili Scottish Qualification Authority (SQA) pada 26 Februari 2013.	81
5.4.2 : Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry & German-Malaysian Institute (MGCC-GMI) pada 12 Mac 2013.	82

5.4.3	: Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) pada 27 Jun 2013.	83
5.4.4	: Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing (LUCT) pada 27 September 2013.	83
5.4.5	: Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) pada 27 September 2013.	84
5.4.6	: Kenyataan Bersama (KB) antara Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada 27 September 2013.	84
5.4.7	: Kerjasama antara JPK dengan United Motor Works (UMW)	84
5.4.8	: Kerjasama antara JPK dengan Little Wok Kitchen	86
5.4.9	: Kerjasama antara JPK dengan Malaysia Automotive Institute (MAI)	87
5.4.10	: Kerjasama JPK dengan Agensi atau Syarikat ternama	87
BAB 6		
Nadi Penggerak Kemahiran		89
6.1	: Peningkatan Kerjaya	90
6.1.1	: Konvokesyen Dr. Aruna Binti Ismail @ Abd Wahab	91
6.1.2	: Konvokesyen Dr. Mohd Yusoff Bin Abu Bakar	92
6.2	: Pelaksanaan Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra-Perkhidmatan)	93
6.3	: Pelaksanaan Latihan Kemahiran Dalam Perkhidmatan (In-Service)	93
6.3.1	: Program Jangka Pendek	94
6.3.2	: Program <i>Vocational Training Officer</i> (VTO), <i>Vocational Training Executive</i> (VTE) dan <i>Vocational Training Manager</i> (VTM) Secara <i>Fast Track</i> dan <i>Single Tier</i>	94
6.3.3	: Latihan Sangkutan Industri (LSI)	95
6.4	: Pembangunan Fasilitator	97
6.4.1	: Kursus Asas CUDBAS	97
6.4.2	: Kursus Pembangunan Bahan Pengajaran Bertulis (<i>Written Instructional Materials</i> –WIM) dan Penilaian Berdasarkan NOSS Format Baharu	97
6.4.2.1	: Latihan Sangkutan Fasilitator (LSF) bagi Kursus Pembangunan WIM dan Penilaian Berdasarkan NOSS Format Baharu	101
6.4.3	: Kursus Pembangunan dan Fasilitator NOSS (DESCUM)	101
6.4.3.1	: Latihan Sangkutan Fasilitator (LSF) bagi Kursus Pembangunan Fasilitator NOSS	105
6.4.3.2	: Kursus Pemantapan Fasilitator	105
6.4.3.3	: Kursus Pembangunan Teknik Fasilitator	105
6.5	: Pengurusan Personel Lantikan	105
6.5.1	: Daftar Pakar Industri Negara (DPIN)	108
6.5.2	: Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP)	110
6.5.3	: Aktiviti Pemantapan Personel Lantikan	110
6.5.3.1	: Bahagian Pembangunan dan Pemantapan Pakar	112
6.5.3.2	: Pemantapan Personel Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	112
6.6	: Program Antarabangsa	112

BAB 7

Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan

115

7.1 : Pengurusan Sumber Manusia	116
7.1.1 : Penjawatan semasa	116
7.1.2 : Kenaikan Pangkat	116
7.1.3 : Pengisian Jawatan	117
7.1.4 : <i>Human Resources Management Information System</i> (HRMIS)	118
7.1.5 : Persaraan	118
7.2 : Pengurniaan Pingat Kebesaran dan Anugerah kepada Kakitangan JPK	119
7.2.1 : Pengurniaan Darjah Kebesaran Pingat Pangkuan Negara (PPN)	119
7.2.2 : Pengurniaan Darjah Kesatria Mangku Negara (KMN)	119
7.2.3 : Pengurniaan Darjah Kebesaran Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)	119
7.2.4 : Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	119
7.3 : Latihan	121
7.4 : Pengurusan kewangan	121

BAB 8

Detik-Detik Kegemilangan

123

8.1 : Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) 2013	124
8.2 : Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) 2013	125
8.3 : Johan Pertandingan Laman Web Terbaik Sempena Bulan Inovasi Kementerian Sumber Manusia 2013	126
8.4 : Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2012	126

BAB 9

Pemikiran di Luar Kotak

127

9.1 : Kampus Satelit	128
9.2 : Sistem Maklumat Latihan Kakitangan JPK	128

BAB 10

Aktiviti Peringkat Wilayah

131

10.1 : JPK, Wilayah Utara	132
10.2 : JPK, Wilayah Selatan	136
10.3 : JPK, Wilayah Tengah	142
10.4 : JPK, Wilayah Timur	144
10.5 : JPK, Wilayah Sabah	148
10.6 : JPK, Wilayah Sarawak	153

BAB 11	
Penerbitan Buku, Artikel dan Penyiaran	163

11.1 : Penerbitan Buku	164
11.2 : Penerbitan Analisis Pekerjaan, Poster bagi Kajian lepas dan Kajian 2013	165
11.2.1 : Analisis Pekerjaan	165
11.2.2 : Poster bagi Kajian yang telah dibangunkan	166
11.2.3 : Kajian	167
11.3 : Program Promosi Jabatan	167
11.3.1 : Buletin SkillsMalaysia	167
11.3.2 : Penerbitan Buletin dari Pejabat Wilayah	168
11.3.3 : Info Kit JPK dan Kisah Kejayaan SKK1M	169
11.3.4 : Artikel dan Keratan Akhbar	169
11.3.5 : Promosi Media Cetak	173
11.3.6 : Promosi Media Elektronik	174
11.3.7 : Media Sosial dan Laman Sesawang	174
11.3.8 : Penerbitan Video	176
11.3.9 : Pertandingan IMAGINOVASI	178

BAB 12	
Jalanan Warga	179

12.1 : Pertubuhan Kebajikan dan Sukan (PKS)	180
12.2 : Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) JPK	181
12.3 : Aktiviti Sukan dan Sosial JPK, Wilayah Utara	182
12.4 : Kelab Kakitangan CIAST (KKC)	183
12.5 : Aktiviti <i>Bussiness Plan</i> (BP)	186
12.6 : <i>Team Building</i> Khidmat Pengurusan Sumber Manusia (KPSM) JPK	187
12.7 : Ekspedisi Mendaki Gunung Irau (<i>Team Building</i> PPK 2013)	187



Kata Alu-Aluan

Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 1,131 buah PB aktif telah melaksanakan program latihan kemahiran, manakala sebanyak 257 buah syarikat telah menyertai program SLDN biasa, 276 buah syarikat telah menyertai program SLDN Khas, 140 buah syarikat program SLDN berinsentif dan 361 buah syarikat menjalankan SLDN secara *in house*.

Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak dalam menjayakan penerbitan Buku Laporan Tahunan JPK 2013 ini. Secara umumnya, pencapaian setiap aktiviti yang telah dirancang bagi tahun 2013 amatlah membanggakan di mana pelbagai usaha dan semangat kerjasama berpasukan telah menjamin kesinambungan kejayaan aktiviti tersebut.

JPK telah diberi amanah yang besar untuk membangunkan modal insan yang kompeten melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) selaras dengan agenda mengarusperdanakan Sijil kemahiran Malaysia (SKM) sebagai persijilan tunggal kebangsaan bagi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT). Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) telah meluluskan sebanyak 270 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK/ NOSS) dengan menjadikan jumlah keseluruhan bilangan NOSS yang aktif sehingga tahun 2013 adalah sebanyak 1,458 NOSS meliputi 29 sektor. JPK juga telah menganugerahkan sebanyak 103,227 sijil yang merangkumi SKM, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) kepada individu yang telah disahkan terampil mengikut SPKM iaitu melalui Pusat bertauliah (PB), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), Penilaian Pencapaian Terdahulu (PPT), dan *Non Destructive Testing* (NDT).

Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 1,131 buah PB aktif telah melaksanakan program latihan kemahiran, manakala sebanyak 257 buah syarikat telah menyertai program SLDN biasa, 276 buah syarikat telah menyertai program SLDN Khas, 140 buah syarikat program SLDN berinsentif dan 361 buah syarikat menjalankan SLDN secara *in house*. Selain itu, bagi memperkasakan latihan kemahiran agar sejajar dengan keperluan

industri, JPK telah melantik 21 *Industry Lead Body* (ILB) sebagai badan peneraju yang mewakili sektor industri tertentu bagi memastikan latihan dan pembangunan kemahiran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui pendekatan *industry-driven* yang menyeluruh.

Penganjuran karnival kemahiran yang dikenali sebagai Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) yang telah dianjurkan oleh Jabatan (KSM) bersama-sama dengan Kementerian Kerja Raya (KKR) pada tahun 2013 adalah merupakan karnival yang terbesar dan julung kali diadakan bagi mempromosikan kepada umum mengenai kemahiran yang menjadi tunjang kepada pembangunan pekerja mahir di Malaysia. Kesudian YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang telah merasmikan Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri merupakan satu penghormatan kepada Jabatan dalam menerajui bidang kemahiran di Malaysia.

Sepanjang tahun 2013 juga telah menyaksikan penglibatan jabatan secara khusus dalam program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) seperti Pusat Transformasi Luar Bandar (*Rural Transformation Centre* - RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (*Urban Transformation Centre* - UTC) yang dapat meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat melalui kesepakatan antara pelbagai kementerian, jabatan atau agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta. Selain itu, pencapaian JPK yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi penyelarasan kepada 10 agensi di tujuh (7) Kementerian berbeza yang menjalankan latihan kemahiran di bawah Program Skim Kemahiran Dan Kerjaya 1Malaysia (SKK1M) menerusi pelaksanaan NBOS telah mencapai sasaran yang disasarkan di mana sebanyak 5,400 peserta telah mengikuti program latihan selama 1 hingga 2 bulan di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan JPK yang bersungguh-sungguh melaksanakan tugas masing-masing disamping menjayakan semua aktiviti yang dirancang dan dianjurkan oleh Jabatan. Semoga kerjasama padu daripada semua pihak dapat diteruskan bagi memastikan latihan kemahiran di Malaysia berada di tahap tertinggi sama ada di peringkat nasional mahupun global.

Sekian.

Datuk. Dr. Pang Chau Leong
Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

BAB 1

PROFIL KORPORAT



PROFIL KORPORAT

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dahulunya dikenali sebagai Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) telah ditubuhkan pada 2 Mei 1989 melalui penyusunan semula Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK).

JPK memainkan peranan penting dalam usaha mengarusperdana dan memperluaskan akses kepada pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang berkualiti. Ini adalah selaras dengan tujuan penubuhan JPK iaitu merumus, menggalak dan menyelarasi strategi serta program latihan kemahiran di institusi latihan kemahiran sejajar dengan keperluan serta perkembangan teknologi dan industri negara.

1.1 Visi, Misi, Objektif & Fungsi

Visi: Peneraju Dalam Pembangunan Sumber Manusia Mahir Bertaraf Dunia

Misi: Membangunkan Sumber Manusia Yang Berpengetahuan (K-Pekerja) Yang Berdaya Saing.

Objektif:

- Menyelaras dan mengawal pelaksanaan latihan kemahiran bagi melahirkan K-Pekerja untuk keperluan pekerjaan dan pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa; dan
- Menyelidik dan membangun standard kekompetenan pekerjaan dan kepakaran bagi meningkatkan kualiti sumber manusia mahir berterusan ke arah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Fungsi:

- Menilai keperluan latihan;
- Melaksanakan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM);
- Mempromosi sistem latihan kemahiran;
- Membantu meningkatkan keupayaan kemahiran individu;
- Menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan latihan kemahiran ; dan
- Membangun, melulus dan menyemak Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK).

1.2 Piagam Pelanggan

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BERJANJI AKAN:

- Membangunkan sumber manusia mahir dan berkualiti melalui pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap pembangunan NOSS dalam tempoh enam (6) bulan bagi setiap NOSS; dan
- Melahirkan pekerja mahir bagi menampung keperluan industri negara melalui pentauliahan program latihan kemahiran di pusat bertauliah dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap proses pentauliahan dalam tempoh tiga (3) bulan bagi setiap permohonan.

1.3 Dasar Kualiti Jabatan

Berikut adalah dasar kualiti JPK:

- Kualiti adalah pegangan dan amalan JPK. Penghasilan output yang cemerlang, berlandaskan penambahbaikan berterusan, menjadikan teras budaya kerja ke arah pencapaian tahap MS ISO 9001:2008; dan

- ii. Melahirkan pekerja mahir yang berkualiti melalui program persijilan kemahiran Malaysia, mempromosi latihan kemahiran dan kerjaya, membantu dalam meningkatkan keupayaan kemahiran individu dan membimbing pembelajaran dan penyelidikan berkenaan latihan kemahiran untuk memenuhi kehendak-kehendak dan aspirasi matlamat JPK.

JPK telah mendapat pengiktirafan persijilan dasar kualiti seperti berikut:

- a) Pelaksanaan Persijilan ISO; dan
- b) MS ISO / IEC 17024 bagi Skop: Ujian Tanpa Musnah (NDT)

1.3.1 Pelaksanaan Persijilan ISO

Sistem Pengurusan Kualiti JPK telah dipersijilkan dengan sijil MS ISO 9001:2000 buat pertama kali pada 22 April 2005. Pada 12 November 2010, Sistem Pengurusan Kualiti JPK telah berjaya mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2008 melalui audit oleh pihak Lloyd's Register. Skop persijilan ini merangkumi dua (2) prosedur teras Jabatan, iaitu Pembangunan Standard dari Bahagian Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dan Pentauliahian Pusat Bertauliah dari Bahagian *Malaysia Occupational Skill Qualification* (MOSQ). Pada 5 Februari 2013, Lawatan Surveillance Audit yang kedua telah diadakan dengan jayanya oleh pihak Lloyd's Register.

Tarikh Asal Persijilan ISO 9001:2000

: 22 April 2005

Tarikh Pembaharuan Persijilan ISO 9001:2000

: 17 June 2008

Tarikh Persijilan ISO 9001:2008

: 12 November 2010

Tarikh Tamat Persijilan ISO 9001:2008

: 21 April 2014

Tarikh Surveillance Audit MS ISO 9001:2008

: 5 Februari 2013

1.3.2 MS ISO / IEC 17024 bagi Skop: Ujian Tanpa Musnah (NDT)

Pada 3 Oktober 2012, JPK telah mematuhi MS ISO / IEC 17024 dan diiktiraf sebagai Badan Persijilan Personel (Skop: Ujian Tanpa Musnah (NDT)) yang diberikan oleh Standard Malaysia (Ruj Akreditasi : KAKITANGAN 03102012 CB02) untuk tempoh tiga (3) tahun sehingga 2 Oktober 2015.





Datuk Dr. Pang Chau Leong
Ketua Pengarah
Pembangunan Kemahiran



En. Nidzam B. Kamarulzaman
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)



Sapinah bt Yusoff
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
dan Sumber Manusia (KPSM)



Dr. Mohamad B. Sulaiman
Pengarah
Bahagian Pejabat Pemantauan
Projek (PMO)



Norizan bt Mohd Shahbaki
Pengarah
Bahagian Perancangan,
Penyelidikan & Pembangunan (PPP)



Zuleah Bt Darsong
Pengarah
Bahagian Kelayakan Kemahiran
Pekerjaan Malaysia (MOSQ)



Pn. Norasyikin Bt Ahmad
Pegawai Undang-Undang



Uzin B. Ali
Pengarah Wilayah Selatan



Shamsudin B. Jamil
Pengarah Wilayah Tengah

Carta Organisasi 2013

Jabatan Pembangunan Kemahiran



En. Suimi B Abd Majid
Pengarah CIAST



Dr. Mohd Rashid B Buyong Hamzah
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan)



Mohamad B. Yaacob
Pengarah
Bahagian Sistem Latihan Dual
Nasional (SLDN)



Omar bin Jusoh
Pengarah
Bahagian Standard Kemahiran
Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)



Dr. Mohd Yusoff B. Abu Bakar
Pengarah
Bahagian Kerjasama
Strategik (BKS)



Meena A/P Ramalingam
Pengarah Wilayah Utara



Wan Fadilah bt Wan Dagang
Pengarah Wilayah Timur



Muhd Azmi B. Pelah
Pengarah Wilayah Sabah



Tn. Hj. Zaid B Mat San
Pengarah Wilayah Sarawak

FUNGSI BAHAGIAN JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

BAHAGIAN NOSS	BAHAGIAN MOSQ	BAHAGIAN PERANCANGAN, PEWELIDIKAN PEMBANGUNAN (PP&P)	BAHAGIAN KERJASAMA STRATEGIK (BKS)	BAHAGIAN SISTEM LATHAN DUAL NASIONAL (SLDN)	BAHAGIAN PELAJAT PEMANTAUAN PROJEK (PMO)	BAHAGIAN KIDMAT PENGURUSAN & SUMBER MANUSIA (KPSM)	PUSAT LATHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CAST)	PEJABAT-PEJABAT WILAYAH
• Mengurus dan membangun <i>National Occupational Skills Standard</i> (NOSS). • Mengurus dan menyelaras pembangunan kurikulum lathan kemahiran pusat bertauliah dan Sistem Lathan Dual Nasional (SLDN). • Mengurus pembangunan soal lathan kemahiran bagi pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). • Menantau dan menilai kandungan lathan (courseware) untuk <i>e-Training</i>.	• Mentaullah pusat lathan yang ingin menjalankan program lathan kemahiran berdasarkan NOSS. • Mengurus kawalan jaminan mutu sistem pentaullahan di pusat bertauliah. • Mengurus dan mengendalikan ujian kemahiran kebangsaan bagi program Ujian Tanpa Musnah (<i>Non-Destructive Testing – NDT</i>). • Mengiktiraf kompetensi pekerja mahir melalui Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT). • Menguruskan persijilan SPKM. • Menjalankan usaha-usaha ke arah pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).	• Merancang keperluan dan strategi pelaksanaan lathan kemahiran kebangsaan. • Mengkaji dan menganalisis keperluan pekerjaan sektor ekonomi/ industri utama. • Menyelidik dan mengkaji keberkesanan SPKM. • Mengurus dan menyediakan data berkaitan SPKM. • Mengenalpasti dan menyelaras tindakan terhadap isu-isu dalam lathan kemahiran. • Mengurus dan mengenalpasti penambahbaikan Akta 652. • Merancang dan menyelaras aktiviti pembangunan sumber manusia mahir bagi Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT).	• Menyelaras dan mempromosi lathan arikulasi bagi graduan Persijilan Kemahiran Malaysia untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. • Mengurus dan menyelaras pelantikan dan aktiviti Badan Peneraju Industri. • Mengurus dan menyelaras aktiviti Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran. • Menyelaras dan mengurus memorandum perselahaman serta kenyataan bersama di antara Jabatan dan organisasi luar. • Memanfaatkan agensi penguatkuasa dalam usaha memartabatkan lathan kemahiran. • Menjalin hubungan rapat dengan industri untuk memperolehi informasi keperluan pekerja mahir.	• Menyelaras dan menguruskan pelaksanaan SLDN. • Mengawal selia jaminan kualiti SLDN. • Mempromosikan SLDN di peringkat kebangsaan. • Menyelaras dan menguruskan personel SLDN.	• Mengurus dan mempromosikan pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuk PKM, MySkills, ASC dan WSC. • Mengurusertikan Majlis yang berkaitan dengan dasar lathan kemahiran (MPKK1 dan MPKK2). • Menyelaras aktiviti <i>NKEA Education</i> (EPP5). • Mengutakusakan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652). • Menyelaras dan melaksanakan pengauditan dan penarafan pusat bertauliah JPK. • Mengantarabangskan SPKM melalui <i>SkillsMalaysia INVITE</i>.	• Menguruskan hal ehwal sumber manusia jabatan. • Mengurus sumber fizikal jabatan. • Mengurus kewangan dan akaun jabatan.	• Merancang, menyelaras dan melaksanakan kursus pembangunan Induksi Persijilan Kemahiran Malaysia (KIPKM). • Menyelaras bahan lathan dan pengajaran. • Menguruskan Perakuan Pengiktirafan Kelayakan sebagai Personel Pentaullahan (PPKSP). • Merancang dan mengurus kursus modular, <i>customised</i> dan <i>crash programme</i> di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. • Merancang dan mengurus kursus penantapan PLV bertauliah JPK. • Merancang dan menguruskan program lathan pengajar kemahiran (<i>pre-service dan in-service</i>). • Mengenalpasti dan membangunkan pembelajaran secara multimedia.	• Mengurus dan menyelaras pelaksanaan SPKM di peringkat negeri/wilayah. • Menjalankan aktiviti promosi/pemasaran bagi meningkatkan kefahaman orang ramai terhadap SPKM. • Menjalin kerjasama erat dengan industri dan agensi peringkat wilayah.

BAB 2

PENGUKUHAN
SISTEM
PENTAULIAHAN
DAN PERSIJILAN
KEMAHIRAN
MALAYSIA



PENGUKUHAN SISTEM PENTAULIAHAN DAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

2.1: Pentaualiahan

Pentaualiahan terbahagi kepada dua (2) iaitu:

- i. Pusat Bertauliah; dan
- ii. Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

2.1.1: Pentaualiahan Melalui Pusat Bertauliah


Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 1,131 buah Pusat Bertauliah (PB) aktif melaksanakan program latihan kemahiran yang ditauliahkan.

Daripada bilangan tersebut, sebanyak 378 PB kerajaan manakala 753 PB swasta. Jadual 2.1 menunjukkan statistik bilangan PB mengikut negeri dan jenis PB.

Carta 2.1, menunjukkan bilangan pusat bertauliah yang telah mendapat pentaualiahan dari tahun 2009 hingga 2013. Pada tahun 2013 didapati peningkatan sebanyak 5.9 % daripada tahun sebelumnya.

Jadual 2.1:
Statistik Pusat Bertauliah Mengikut Negeri Dan Jenis Pusat Sehingga 31 Disember 2013

NEGERI	KERAJAAN	SWASTA	JUMLAH
JOHOR	44	72	116
KEDAH	32	31	63
KELANTAN	22	14	36
MELAKA	15	34	49
NEGERI SEMBILAN	23	43	66
PAHANG	28	25	53
PULAU PINANG	25	43	68
PERAK	37	55	92
PERLIS	7	0	7
SABAH	28	42	70
SARAWAK	31	29	60
SELANGOR	43	201	244
TERENGGANU	29	42	71
WILAYAH PERSEKUTUAN KL	12	120	132
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	2	2	4
JUMLAH PUSAT BERTAULIAH	378	753	1,131



Carta 2.1:

Bilangan Pusat Bertauliah Dari Tahun 2009 Hingga 31 Disember 2013

Sebanyak 5,516 program telah ditauliahkan kepada pusat bertauliah yang aktif sehingga Disember 2013. Bilangan program yang ditauliahkan merangkumi program bagi pusat bertauliah baru, penambahan

program di pusat bertauliah sedia ada dan pentauliahkan semula program sedia ada. Jadual 2.2 menunjukkan jumlah program yang ditauliahkan mengikut negeri dan jenis pusat bertauliah.


Jadual 2.2:

Program yang Ditauliahkan Mengikut Negeri dan Jenis PB.

NEGERI	KERAJAAN	SWASTA	JUMLAH
JOHOR	350	216	566
KEDAH	225	139	364
KELANTAN	142	53	195
MELAKA	111	146	257
NEGERI SEMBILAN	144	233	377
PAHANG	204	62	266
PULAU PINANG	183	157	340
PERAK	184	217	401
PERLIS	88	0	88
SABAH	180	114	294
SARAWAK	187	184	371
SELANGOR	282	896	1178
TERENGGANU	130	189	319
WILAYAH PERSEKUTUAN KL	84	382	466
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	32	2	34
JUMLAH PROGRAM	2,526	2,990	5,516

Dalam tempoh lima tahun dari 2009 hingga 2013, jumlah pentauliahan program pada tahun 2012 adalah yang tertinggi seperti ditunjukkan dalam Carta 2.2. Kadar pentauliahan program tahun 2010, menunjukkan peningkatan sebanyak 21 % dan 13 % pada tahun 2011. Peningkatan secara berterusan bilangan program yang ditauliah dapat dilihat dari tahun 2010 hingga

2012. Manakala pada tahun 2013, menunjukkan penurunan sebanyak 24% daripada tahun sebelumnya. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan adalah perubahan NOSS yang telah dikaji semula di mana perubahan ini telah memberi kesan kepada perubahan struktur pentauliahan program latihan dari segi tahap dan lain-lain hal yang berkaitan.



Carta 2.2:
Bilangan Program yang Ditauih dari 2009 hingga 31 Disember 2013

2.1.2: Pentauliahan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Pelaksanaan SLDN terbahagi kepada SLDN Sedia Ada, SLDN Khas, SLDN Insentif, SLDN Peningkatan Tahap dan SLDN In-House Training. Di bawah SLDN Sedia Ada, seramai 2,369 perantis telah dilatih di 257 syarikat pada tahun 2013 berbanding 1,661 perantis di 138 syarikat pada tahun 2012. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 43% bagi perantis dan 86% bagi syarikat berbanding tahun sebelumnya.

Kerajaan juga telah memperluaskan liputan pelaksanaan SLDN dengan memperkenalkan

SLDN Peningkatan Tahap di mana pelaksanaannya adalah sebagaimana SLDN Sedia Ada, tetapi ianya terbuka kepada perantis yang telah memperoleh SKM 2 untuk meningkatkan tahap kemahiran kepada tahap lebih tinggi iaitu SKM 3 & DKM. Daripada permohonan yang diterima, seramai 855 perantis telah menjalani latihan di 79 buah syarikat.

Bagi Program SLDN Khas, seramai 4,953 perantis yang terdiri daripada golongan pelajar tercicir telah dilatih di 276 syarikat pada tahun 2013.

Pada tahun 2013 juga, SLDN Insentif telah ditawarkan kepada Pusat Bertauliah (PB) SLDN yang telah melaksanakan program SLDN sebelum

Jadual 2.3:
Jumlah penyertaan perantis dan syarikat SLDN mengikut pencapaian tahunan


PENYERTAAN PERANTIS & SYARIKAT MENGIKUT PENCAPAIAN TAHUNAN																
TAHUN	SLDN BIASA				SLDN KHAS				IN-HOUSE TRAINING				SLDN INSENTIF			
	Jumlah Penyertaan		Jumlah Terkumpul		Jumlah Penyertaan		Jumlah Terkumpul		Jumlah Penyertaan		Jumlah Terkumpul		Jumlah Penyertaan		Jumlah Terkumpul	
	perantis	syarikat	perantis	syarikat	perantis	syarikat	perantis	syarikat	perantis	syarikat	perantis	syarikat	perantis	syarikat	perantis	syarikat
2005	70	4	70	4												
2006	163	3	233	7												
2007	1,878	36	2111	43												
2008	5,912	297	8,023	340												
2009	15,705	642	23,728	982												
2010	1,293	46	25,021	1028												
2011	1117	91	26138	1119	5256	253	5256	253	574	9	574	9				
2012	1661	138	27799	1257	0	0	5256	253	3487	56	4061	65	979	55	979	55
2013	2369	257	30168	1514	4953	276	10209	529	4627	361	8688	426	1667	140	2646	195

ini dengan cemerlang dan jayanya. Melalui program ini, sebanyak 1,667 perantis telah dilatih di 140 buah syarikat.

Bagi Program *In-House Training*, seramai 4,627 perantis telah dilatih di 361 syarikat pada tahun 2013 berbanding 3,487 perantis di 56 syarikat pada tahun 2012. Peningkatan pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah sebanyak 32% bagi perantis dan melebihi 100% bagi syarikat. Pelaksanaan program ini dijalankan dengan mempersijilkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kepada pekerja dan bakal pekerja di industri-industri yang terlibat.

Merujuk kepada data Q-Fact pada tahun 2013, seramai 13,616 perantis telah berjaya didaftarkan bagi program SLDN dari 1,034 buah syarikat yang telah ditauliahkan berbanding 6,127 perantis dari 249 buah syarikat pada tahun 2012. Peningkatan melebihi 100% bagi perantis berdaftar dan syarikat bertauliah berbanding tahun sebelumnya seperti di Jadual 2.3.

Pencapaian penyertaan perantis dan syarikat bagi program SLDN 2013 adalah sebanyak 26,690 perantis manakala 1,514 syarikat. Unjuran penyertaan perantis dan syarikat bagi program SLDN disasarkan bagi tempoh lima tahun (2011-2015) adalah seperti di carta 2.3:



Carta 2.3:
Unjuran Penyertaan Perantis & Syarikat bagi Program SLDN

Penyertaan Pusat Bertauliah SLDN mengikut kategori syarikat dan pusat latihan tahun 2013 seperti Jadual 2.4:

Antarabangsa pada tahun 2012 kepada 93 PB Antarabangsa pada tahun 2013 seperti di carta 2.4. Sehingga Disember 2013, sebanyak

Jadual 2.4:
Jumlah penyertaan Pusat Bertauliah SLDN mengikut kategori syarikat dan pusat latihan


PENTAUHAN PUSAT BERTAULIAH (PB) SLDN							
Syarikat SLDN	Bulan	Tahun	Keseluruhan	Pusat Latihan	Bulan	Tahun	Keseluruhan
	DIS	2013			DIS	2013	
GLC	2	32	65	Awam	1	57	182
MNC	70	269	342				
SME	20	547	2,346	Swasta	7	164	1,715
AGENCI KERAJAAN	1	38	68				
JUMLAH			2,821	JUMLAH			1,897

2.2: Program Antarabangsa Melalui SkillsMalaysia INVITE


2.2.1: Pentauliahian Pusat Bertauliah Antarabangsa

Bagi tahun 2013, pendaftaran Pusat Bertauliah Antarabangsa telah bertambah dari 73 PB

472 program telah diberi kelulusan kepada PB Antarabangsa. JPK telah menggalakkan PB tempatan untuk berdaftar sebagai PB Antarabangsa bagi memperluaskan pasaran latihan kemahiran ke peringkat antarabangsa.



Carta 2.4:
Statistik PB antarabangsa bagi tahun 2013



Carta 2.5:
Statistik Permohonan Pelajar Antarabangsa bagi tahun 2013

2.2.2: Statistik Pelajar Antarabangsa Tahun 2013


Seramai 378 pelajar asing telah berdaftar sebagai pelajar antarabangsa dalam bidang kemahiran sepanjang tahun 2013. Jabatan telah menerima permohonan bagi kemasukan pelajar antarabangsa sebanyak 2,956 permohonan, walau bagaimanapun hanya 2,447 permohonan telah disokong dan 509 permohonan telah ditolak seperti yang ditunjukkan dalam Carta 2.5..

2.3: Persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

Penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dilaksanakan melalui empat (4) kaedah utama iaitu melalui Pusat Bertauliah (PB), Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan Ujian Tanpa Musnah *Non Destructive Test* (NDT). Bagi tahun 2013, sebanyak 101,238 sijil yang merangkumi SKM, DKM dan DLKM serta 1,989 Penyata Pencapaian (PC) telah dikeluarkan mengikut kaedah persijilan Malaysia iaitu melalui PB, SLDN, PPT dan NDT seperti Jadual 2.5.

Jadual 2.5:
Statistik pengeluaran sijil mengikut tahap dan kaedah persijilan bagi tahun 2013

PENGELUARAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA 2013										
Tahap	Kaedah								Jumlah Pengeluaran Sijil Tahun 2013	
	Pentauliahian Pusat Bertauliah		Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)		Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)		Non Destructive Testing (NDT)			
	SKM	PC	SKM	PC	SKM	PC	SKM	PC	SKM	PC
1	32,409	11	2,088	49	4,183	1,044	143	0	38,823	1,104
2	31,257	0	2,818	11	1,920	0	6	0	36,001	11
3	15,973	809	5,698	65	573	0	0	0	22,244	874
4	3,140	0	593	0	3	0	0	0	3,736	0
5	155	0	279	0	0	0	0	0	434	0
Jumlah	82,934	820	11,476	125	6,679	1,044	149	0	101,238	1,989
Jumlah Keseluruhan	83,754		11,601		7,723		149		103,227	



Carta 2.6:

Pengeluaran Sijil Kemahiran Malaysia Mengikut Tahap dan Kaedah Persijilan Dari Tahun 2009 Hingga 31 Disember 2013

Berdasarkan perbandingan dari tahun 2009 hingga 2013 seperti di Carta 2.6, didapati peningkatan ketara sebanyak 34% iaitu 123,022 sijil telah dikeluarkan pada tahun 2010 berbanding 91,526 pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun pengeluaran sijil telah mengalami penurunan pada tahun 2011 sebanyak 27% menjadikan jumlah pengeluaran sijil adalah sebanyak 89,252. Pada tahun 2012 terdapat peningkatan dalam jumlah pengeluaran sijil sebanyak 13.7% iaitu 101,450 berbanding tahun 2011. Jumlah pengeluaran sijil sedikit menurun pada 2013 sebanyak 0.2% iaitu 101,238 berbanding tahun sebelumnya. Jumlah pengeluaran sijil dari tahun 2009 sehingga 2013 adalah sebanyak 506,488 sijil.

2.4: Pengiktirafan Graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

2.4.1: Pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Pihak Jabatan telah mengambil beberapa tindakan dalam usaha ke arah pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) bagi tujuan syarat lantikan ke perkhidmatan awam.

Usaha pengiktirafan tersebut telah bermula pada tahun 1999 mengemukakan “Kertas Memorandum Mengenai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, 2, 3, 4 dan 5” kepada JPA. Beberapa sesi mesyuarat bersama JPA telah diadakan dan sebanyak 80 skim perkhidmatan yang bersesuaian telah dikenalpasti dan dicadangkan kepada JPA. Usaha ini telah membuahkan hasil di mana sehingga 31 Disember 2013, JPA telah bersetuju untuk SKM sebagai salah satu syarat lantikan ke 17 skim perkhidmatan awam seperti berikut:

1. Pembantu Kemahiran Gred H17, H22, H26
2. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17, N22, N26
3. Pemeriksa Kereta Motor Gred A17
4. Ahli Muzik Gred B17
5. Jurufotografi Gred B17, B21/22, B25/26
6. Jurusolek Gred B17
7. Pengajar Kraf Gred E17
8. Pembantu Pegawai Latihan Gred E17
9. Juruteknik Komputer Gred FT17
10. Pembantu Perikanan Gred G17
11. Penyelia Rancangan Tanah Gred G17
12. Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA17, JA22, JA26;

13. Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA17, JA22, JA26
14. Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred J17
15. Penyelia Jurupakaian Gred N17
16. Juruaudio Visual Gred N17
17. Pereka Gred B17, B21/22, B25/26

mengenal pasti sebanyak 93 program di 14 IPTA yang sesuai untuk tujuan artikulasi.

Sehubungan itu, permohonan melalui UPU bagi kemasukan program Ijazah ke IPTA telah dibuka kepada lulusan DKM dan DLKM bermula pada sesi pengambilan 2011/2012.

2.5: Artikulasi Program Kemahiran Dan Program Akademik

Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 23 Oktober 2010 untuk mengiktiraf Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 4 agar setaraf dengan aliran akademik, satu garis panduan artikulasi telah dibangunkan bagi membolehkan lulusan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) mengikuti program ijazah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Jawatankuasa kerja yang terdiri daripada wakil MQA, KPT, JPK, IPTA, KBS dan JTM telah

Menurut data daripada Bahagian Kemasukan Pelajar, Sektor Pengajian Tinggi, sebanyak 87 program Ijazah di 15 universiti telah membuka kemasukan kepada graduan DKM dengan *Cumulative Grade Point Average* (CGPA) untuk melanjutkan pengajian diperingkat ijazah pertama. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 51 pelajar lulusan DKM/DLKM telah diterima masuk ke 12 universiti untuk program ijazah sesi 2013/2014. Statistik bilangan calon yang berjaya mendapat tempat di IPTA bagi lepasan DKM/DLKM adalah seperti di Jadual 2.6 di bawah.

Jadual 2.6:
Bilangan Calon yang mendapat tempat di IPTA bagi lepasan DKM/DLKM

Bil.	IPTA	Program Pengajian	Bilangan calon
1.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Pentadbiran Perniagaan (Kewangan)	1
		Pengurusan Taman dan Emini	1
		Seni Reka Tekstil	1
		Pentadbiran Perniagaan (Perbankan Islam)	1
		Pengimejan Perubatan	1
		Sains Maklumat	1
		Sains Ukur dan Geomatik	1
2.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Pengurusan Kewangan dan Perbankan	1
3.	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	Kejuruteraan Elektronik Industri	1
		Kejuruteraan Rangkaian Komputer	2
		Kejuruteraan Mekanikal	1
		Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan	2
		Kejuruteraan Fotonik	1
		Kejuruteraan Elektrik Sistem Tenaga	1
4.	Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS)	Sains Kognitif	1
		Seni Gunaan (Sinematografi)	1
		Sains Sosial (Kajian Komunikasi)	1
		Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan	1
5.	Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)	Pendidikan (Teknologi Reka Bentuk Berkomputer)	1

Bil.	IPTA	Program Pengajian	Bilangan calon
6.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	Teknologi Kejuruteraan (Elektronik Industri)	1
		Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi)	3
		Pengurusan Teknologi (Pemasaran Teknologi Tinggi)	1
		Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif)	3
		Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri & Robotik)	3
		Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan dan Penyaman Udara)	1
		Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk)	1
7.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	Kejuruteraan Mekanikal	4
		Kejuruteraan Elektronik (Mekatronik)	1
		Sains Komputer (Teknologi Web)	1
		Pendidikan Vokasional (Binaan Bangunan)	1
		Kejuruteraan Awam	1
8.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	Kejuruteraan Mekanikal	1
9.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	Sains (Perniagaan Tani)	1
10.	Universiti Malaya (UM)	Pendidikan Awal Kanak-kanak	1
11.	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Kejuruteraan Mekatronik	2
		Teknologi Kejuruteraan Elektrikal	1
		Kejuruteraan Mekanikal	1
12.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Pentadbiran Perniagaan	1
		Teknologi Maklumat	1

Bagi memberi nilai tambah kepada lulusan DKM/DLKM yang diterima masuk ke program ijazah pertama di IPTA, Jabatan turut berusaha untuk membolehkan pelajar tersebut mendapatkan pengecualian kredit bagi beberapa program ijazah yang telah dikenal pasti. Projek rintis telah dimulakan dengan mengadakan

beberapa siri perbincangan dan bengkel khas antara *Malaysian Technical University Network* (MTUN) dan Pusat Bertauliah (PB) terpilih untuk menilai kesepadanan program dan jumlah pengecualian kredit yang boleh diberikan. Senarai program, MTUN dan PB yang terlibat adalah seperti di Jadual 2.7.

Jadual 2.7:

Program, Universiti dan PB yang terlibat dalam pengecualian kredit bagi beberapa program ijazah.

Bil.	Program Ijazah	MTUN	PB
1.	Bachelor of Engineering Technology (Industrial Electronics)	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	- ADTEC Batu Pahat - ILP Ledang - CIAST
2.	Bachelor of Engineering Technology Industrial Automation	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	- ADTEC Batu Pahat - ADTEC Shah Alam - ADTEC Kulim - ADTEC Melaka
3.	Bachelor of Mechanical Engineering Technology (Hons) Machining	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	- ADTEC Kulim - JMTI - IKBN Pagoh
4.	Bachelor of Vocational Education (General Machining) with Honours	UTHM	- ADTEC Kulim - JMTI - IKBN Pagoh

Permohonan pengecualian kredit bagi program berkaitan telah diluluskan oleh senat universiti masing-masing. Permohonan pengecualian kredit hanya diberikan kepada program DKM/DLKM yang mempunyai CGPA sahaja yang mana buat masa ini hanya dilaksanakan oleh JTM dan KBS di bawah program Diploma Teknologi Kejuruteraan (DTE). Bagi urusan permohonan pengecualian kredit, PB boleh terus berurusan dengan Universiti (MTUN) bagi tujuan pemetaan.

Selain artikulasi lulusan DKM/DLKM ke program ijazah pertama, Jabatan turut mengusahakan artikulasi bagi

lulusan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) ke program diploma akademik. Sehingga kini, Multimedia College (MMC) dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMM) telah memberi maklum balas positif terhadap usaha yang dilakukan. MMC misalnya telah membuka kemasukan bagi beberapa program diploma kepada pelajar lulusan SKM Tahap 3 untuk beberapa program NOSS yang berkaitan. Senarai penuh program diploma yang ditawarkan di MMC untuk pelajar lepasan SKM Tahap 3 adalah seperti di Jadual 2.8.

Selain MMC, lulusan SKM Tahap 3 juga berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat diploma akademik

Jadual 2.8:

Senarai program diploma yang ditawarkan di MMC untuk pelajar lepasan SKM Tahap 3

DIPLOMA MMC	SKM TAHAP 3	SYARAT TAMBAHAN
Diploma in Creative New Media (DNM)	IT-051-3:2011 (D-100-3, EE-120-3, EE-121-3) Produksi Audio AC-050-3:2012 (PH-010-3) Photography IT-071-3:2011 (D-090-3)Perekabentuk Multimedia - Video IT-070-3 Perekabentuk Multimedia - Pengarangan IT-060-3 Perekabentuk Multimedia – Animasi dan Visual IT-072-3:2012 Video/Filem (Penyuntingan) IT-073-3:2012 Rekabentuk Konsep Video/Filem (Kesan Visual) PR-024-3:2012 (F-031-3) Rekaan Grafik	1 Kredit & Lulus BI (SPM)
Diploma in Technology (Telecommunications Engineering) (DTE)	EE-321-3:2012 (D-210-3, D-211-3) Pemasangan& Penyelenggaraan Insfrastruktur Penghantaran D-400-3 Juruteknik Fiber Optik - Telekomunikaasi D-217-3Juruteknik Telekomunikasi – Operasi Penguisan EE-040-3 Juruteknik Kanan Frekuensi Radio Tanpa Wayar D-500-3 Juruteknik Sistem Perkabelan Berstruktur EE-030-3 Juruteknik Telekomunikasi	Kredit Matematik/ SPM & Lulus BI (SPM)
DIPLOMA MMC	SKM TAHAP 3	SYARAT TAMBAHAN
Diploma in Management with Multimedia (DMG)	FB-024-3:2012 (IT-080-3, M-050-3) Penyeliaan Pengurusan Pejabat FB-070-3 Perkhidmatan Sokongan Sumber Manusia	1 Kredit SPM & Lulus BI (SPM)
Diploma in Accounting (DIA)	FB-100-3:2012 (AA-010-3) Perakaunan FB-050-3 Pembantu Audit Dalaman FB-010-3 Pembantu Audit	1 Kredit SPM & Lulus BI (SPM)
Diploma in Software Engineering (DSE)	IT-010-3 Pembangunan Aplikasi – Pengaturcara Utama IT-030-3 Perkhidmatan Rangkaian Komputer EE-104-3 Juruteknik Kanan Pemprosesan Isyarat Digital (Rekabentuk)	1 Kredit Matematik SPM & Lulus BI (SPM)
Diploma in Information Technology (DIT)	IT-010-3 Pembangunan Aplikasi – Pengaturcara Utama IT-020-3 Operasi Sistem Komputer	1 Kredit SPM & Lulus BI (SPM)
Diploma in Finance	FB-016-3:2012 Perancangan Kewangan	1 Kredit SPM & Lulus BI (SPM)



Seminar Artikulasi Persijilan Kemahiran Malaysia dan Program Artikulasi Persijilan Kemahiran Malaysia.

dengan menyertai program *Higher National Diploma* (HND) dalam bidang elektronik yang ditawarkan KKTMM Petaling Jaya. Syarat kemasukan yang ditetapkan untuk program ini ialah lulus SKM Tahap 3 dengan memiliki sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan.

2.5.1: Seminar Artikulasi Persijilan Kemahiran Malaysia.

Berikutan perkembangan dan maklum balas positif yang diterima daripada pihak universiti terutamanya MTUN serta institusi pengajian tinggi lain seperti MMC dan KKTMM, Jabatan telah mengadakan beberapa siri Seminar Artikulasi Persijilan Kemahiran Malaysia di seluruh negara bermula 9 hingga 19 Disember 2013. Tujuan penganjaran seminar ialah untuk memberi pendedahan dan menyampaikan maklumat kepada Pusat Bertauliah JPK berkenaan usaha artikulasi yang telah dilakukan Jabatan. Selain taklimat, seminar tersebut turut menyelitkan slot dialog bersama para panel jemputan daripada MTUN, KKTMM dan MMC untuk memberi peluang kepada peserta berinteraksi secara terus dengan ahli panel yang dijemput. Seminar tersebut telah berjaya mencapai objektif penganjarannya dan

menarik kehadiran 253 peserta yang mewakili 152 PB di seluruh Malaysia.

Program Seminar Artikulasi Persijilan Kemahiran Malaysia telah diadakan bermula 9 Disember 2013 sehingga 19 Disember 2013 di enam (6) lokasi pada di Jadual 2.9.

Jadual 2.9:
Pelaksanaan Seminar Artikulasi Persijilan Kemahiran Malaysia.

Bil.	Tarikh	Lokasi
1.	9 Disember 2013	Putrajaya International Convention Centre (PICC)
2.	12 Disember 2013	The Katerina Hotel, Batu Pahat, Johor
3.	17 Disember 2013	Zenith Hotel, Kuantan, Pahang
4.	19 Disember 2013	Promenade Hotel, Kota Kinabalu, Sabah
5.	19 Disember 2013	Pullman Hotel, Kuching, Sarawak
6.	19 Disember 2013	Ixora Hotel, Seberang Perai, Pulau Pinang

Bagi mencapai objektif seminar, program Seminar Artikulasi Persijilan Kemahiran Malaysia telah dibahagikan kepada tiga (3) sesi utama iaitu sesi

- a) Taklimat Pengenalan Seminar - peserta didedahkan dengan objektif seminar serta justifikasi keperluan program artkulasi yang diusahakan;
- b) Sesi taklimat Peluang Artikulasi ke Program Diploma dan Ijazah Pertama - syarat kemasukan ke MTUN, KKTm dan MMC beserta senarai penuh program yang terlibat termasuk kebenaran pengecualian kredit bagi program terpilih; dan
- c) Sesi dialog bersama panel jemputan - peserta diberi ruang seluas-luasnya untuk mengemukakan sebarang kemusykilan, komen, cadangan dan pendapat berkenaan pelaksanaan program artkulasi yang telah dibentangkan di dalam Program Seminar Artikulasi Persijilan Kemahiran Malaysia.

Kebanyakan peserta berharap agar JPK sentiasa menyediakan platform sebegini bagi menyalurkan maklumat terkini disamping membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh PB JPK.

2.6: Majlis Konvokesyen CIAST

Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2013 telah diadakan pada 27 Oktober 2013 di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam, Selangor. Majlis ini diadakan untuk meraikan graduan yang telah berjaya

menamatkan pengajian di CIAST pada tahun 2012 dan 2013. Seramai 776 graduan telah berjaya menamatkan pengajian sepenuh dan separuh masa dalam kursus-kursus yang ditawarkan iaitu Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV), Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dengan Sijil Pengajar Vokasional (SKM3+VTO) dan Sijil Pengajar Vokasional (VTO), VTO/VTE/VTM Fast Track, Fasilitator DESCUM, Fasilitator WIM dan Fasilitator CUDBAS. Statistik graduan mengikut kursus digambarkan seperti di Jadual 2.10.

Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2013 ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong,

Jadual 2.10:
Statistik Graduan CIAST Tahun 2013

Kursus	Sesi Kemasukan	Jumlah Graduan
DLPV	2/2010, 4/2010, 3/2011 & 4/2011	39
SKM3 + VTO	3/2011 & 4/2011	35
VTO	1/2012, 2/2012 & 3/2012	505
VTO/VTE/VTM Fast Track	1/2013, 2/2013, 3/2013 & 4/2013	145
Fasilitator DESCUM	2013	42
Fasilitator WIM	2013	6
Fasilitator CUDBAS	2013	4
Jumlah		776



Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran, dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Romli Bin Hj. Hassan, Ketua Pengarah, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) untuk sidang pertama manakala sidang kedua pula disempurnakan oleh En. Nidzam Bin Kamarulzaman, Timbalan Ketua Pengarah, JPK.

Anugerah Graduan Terbaik adalah seperti Jadual 2.11:

Jadual 2.11:
Anugerah Graduan Terbaik Kursus DLPV, SKM3+VTO dan VTO

NAMA	Kursus	Bidang	Sesi
Mohd Asmuni Bin Mohd Taib	DLPV	Teknologi Kimpalan	2/2010
Rithauddin Bin Alimudin		Teknologi Automotif	4/2010
Mohamad Habibullah Bin Hussain	SKM3+VTO	Teknologi Automotif	3/2011
Nik Airin Bin Nik Azmi		Teknologi Elektronik	4/2011
Gado Anak Kuta	VTO		sesi 1/2012
Aqilah Nasihah binti Shahrom			2/2012
Muhammad Danial bin Mohd Pouzi			3/2012

Secara keseluruhannya Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2013 diadakan dengan penuh meriah dan mencapai objektifnya untuk memberi pengiktirafan kepada graduan yang berjaya serta memartabatkan lagi profesion pengajar kemahiran.



2.7: Majlis Konvokesyen SLDN

Majlis Konvokesyen SLDN telah diadakan seperti di Jadual 2.12 berikut:

Jadual 2.12:
Majlis Konvokesyen SLDN

BIL	TARIKH	AKTIVITI	BILANGAN GRADUAN	TEMPAT
1.	5 Februari 2013	Majlis Konvokesyen First Solar Malaysia	45 Graduan DKM	First Solar Malaysia Sdn Bhd
2.	22 Februari 2013	Majlis Konvokesyen SLDN Gabungan Pusat Bertauliah Wilayah Tengah	8 Syarikat (116 Graduan SKM 1/2)	Residence & Spa Resort Hotel @ UNITEN Kajang
3.	5 Julai 2013	Majlis Konvokesyen Pertama SLDN Jabatan Penjara Malaysia	45 Banduan SKM 1	Penjara Taiping
4.	29 September 2013	Majlis Konvokesyen SLDN sempena Karnival & Ekspo Kemahiran Kebangsaan 2013	24 Syarikat (349 Graduan SKM 1/2/3)	MAEPS, Serdang
5.	8 November 2013	Majlis Konvokesyen Kedua Jabatan Penjara Malaysia	40 Banduan (SKM 1)	Penjara Seberang Perai
6.	8 Disember 2013	Majlis Konvokesyen Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Negeri Perak	16 Syarikat (261 Graduan SKM 1/2)	RTC Gopeng
7.	14 Disember 2013	Majlis Konvokesyen Pertama SLDN, Kg. Budaya Sarawak		Kg. Budaya Sarawak
8.	18 Disember 2013	Majlis Konvokesyen Pertama 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd	83 Graduan SKM 2/3	Berjaya Hotel Times Square
9.	31 Disember 2013	Majlis Konvokesyen SLDN Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Perak	9 Syarikat (101 Graduan SKM 1/2)	Hotel Casuarina, Meru Ipoh



Majlis Konvokesyen SLDN sempena Karnival & Ekspo Kemahiran Kebangsaan 2013 yang telah diadakan pada 29 September 2013




Majlis Konvokesyen Pertama SLDN Jabatan Penjara Malaysia pada 5 Julai 2013



Majlis Konvokesyen Pertama 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd pada 18 Disember 2013

BAB 3

PEMERKASAAN
SISTEM
PERSIJILAN
KEMAHIRAN
MALAYSIA
(SPKM)



PEMERKASAAN SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)

3.1 Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK)

Suatu badan nama Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) telah ditubuhkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652).

Fungsi Majlis ini adalah untuk:

- Meluluskan Standard;
- Menasihati Menteri tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan Akta ini;
- Menasihati Menteri tentang apa-apa perkara yang dirujuk kepada oleh Menteri; dan
- Melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang boleh ditetapkan dalam Akta ini.

Sepanjang tahun 2013, tiga (3) mesyuarat telah diadakan dan sejumlah 270 NOSS telah diperakukan dan diluluskan. Butiran mesyuarat adalah seperti Jadual 3.1.

Jadual 3.1:
Mesyuarat MPKK 2013 dan Bilangan NOSS Diperakukan

Bil. Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat	Bil. NOSS Diperakukan
Bil. 1/2013	23 April 2013	92
Bil. 2/2013	29 Julai 2013	24
Bil. 3/2013	30 Disember 2013	154
JUMLAH		270



Mesyuarat MPKK Bil. 3/2013

3.2 Majlis Penyelarasan Kemahiran Kebangsaan (MPKK2)

Majlis Penyelarasan Kemahiran Kebangsaan (MPKK2) ditubuhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Modal Insan Bil. 2/2012 pada 17 Mei 2010. Majlis ini dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Manusia dan dianggotai oleh 19 orang ahli yang terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan, swasta dan badan-badan yang berkaitan dengan latihan kemahiran.

Majlis ini ditubuhkan bertujuan untuk:

- Membincangkan isu-isu penyelarasan perancangan dan pelaksanaan pembangunan latihan kemahiran dalam negara;

- ii. Merumuskan strategi dan tindakan bagi memperkemaskan penyampaian sistem pembangunan dan latihan kemahiran;
- iii. Memperakukan tindakan bagi mempertingkatkan dan mengharmonikan kualiti kurikulum pembangunan dan latihan kemahiran selaras dengan keperluan industri; dan
- iv. Memperakukan tindakan bagi menambah baik persepsi masyarakat terhadap latihan kemahiran dan menarik ramai pelajar dan pekerja untuk mengikuti latihan kemahiran.

3.3 Jawatankuasa Tetap Penyelarasan Antara Agensi Latihan (JTPAAL)

Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil institusi latihan kemahiran awam yang dilantik oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran dan berperanan menyelaraskan aktiviti latihan kemahiran termasuklah penyelarasan dasar, garis panduan yang berkaitan latihan kemahiran di institusi latihan kemahiran.

3.4 Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK)

JPPK merupakan sebuah jawatankuasa kerja yang ditubuhkan oleh JPK yang berperanan sebagai penasihat kepada jabatan dalam menentu dan mengesahkan kurikulum yang dibangunkan di

samping memberi khidmat nasihat mengenai pembangunan teknologi terkini, bidang-bidang baru, transformasi proses dan prosedur baru serta keperluan sumber tenaga mahir di industri sama ada dari segi bidang atau tahap kekompetenan.

Ahli JPPK terdiri daripada kalangan pakar industri yang mempunyai pengalaman dan kelayakan dalam bidang berkaitan. JPPK juga dianggotai oleh wakil dari persatuan, badan professional, badan penyelidikan dan teknologi, institusi pendidikan tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysi (MQA).

3.5 Analisis Pekerjaan (Occupational Analysis (OA))

Analisis Pekerjaan (*Occupational Analysis* - OA) merupakan satu proses yang digunakan untuk mengenal pasti tajuk pekerjaan dan tahap bagi pekerja mahir yang diperlukan dalam sektor industri. Ia adalah peringkat awal bagi pembangunan NOSS. Pada tahun 2013, JPK telah membangunkan enam (6) sektor/sub sektor industri iaitu *Entertainment Industry*, *Plastic Industry*, *Distributive Trade*, *Environmental Control and Pollution Management*, *Insurance and Takaful Industry* dan *Marine Engineering Industry* seperti di Jadual 3.2. Sejumlah 842 tajuk pekerjaan dan 280 tajuk pekerjaan kritikal telah dikenalpasti.

Jadual 3.2:
Analisis Pekerjaan yang telah dibangunkan pada tahun 2013

TAJUK OA	SUB-SEKTOR	TAJUK PEKERJAAN KRITIKAL	JUMLAH TAJUK PEKERJAAN
Entertainment Industry	TV/Film and Live Production	1	163
	Performing Arts	5	
	Creative Writing	0	
Plastic Industry	Product Engineering	4	153
	Process Engineering	12	
	Production Operation - Primary Process	9	
	Production Operation - Secondary Process	2	
	Production Operation - Quality Management	0	

TAJUK OA	SUB-SEKTOR	TAJUK PEKERJAAN KRITIKAL	JUMLAH TAJUK PEKERJAAN
Distributive Trade	Retail	9	164
	Wholesale	9	
	Specialty Store	48	
	Franchise	13	
	Direct Selling	9	
	Other Distributive Trade	3	
Environmental Pollution & Management Control	Compliance Management	16	106
	Sustainable Practice	10	
	Infrastructure	20	
	Environmental Pollution R & D	0	
	Environmental Crisis Management	9	
Insurance and Takaful Industry	Takaful - Family Takaful	6	91
	Takaful - General Takaful	6	
	Insurance - Life	6	
	Insurance - General Insurance	6	
	Life Insurance/ Family Takaful Distribution	0	
	Adjusting	6	
	Broking	12	
Marine Engineering Industry	Ship Building & Ship Repairing	23	165
	Offshore Fabrication & Installation	27	
	Ship & Offshore Designing	9	
	Ship Board Operation	0	
JUMLAH		280	842

3.6 Pembangunan *National Occupational Skills Standard* (NOSS)

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) ataupun lebih dikenali sebagai *National Occupational Skills Standard* (NOSS) adalah elemen penting untuk mempersijilkan tenaga mahir di Malaysia dan seterusnya memastikan hasrat untuk memiliki sekurang-kurangnya 33% tenaga kerja mahir menjelang tahun 2015 tercapai.


Pada tahun 2013, NOSS telah dibangunkan melalui empat kaedah, iaitu

- Dalam;
- *Outsource*;
- *Fast Track*; dan
- *Industry Lead Body* (ILB).

Sebanyak 270 NOSS yang dibangunkan telah diperakukan dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK), yang telah diadakan sebanyak tiga (3) kali seperti berikut:


- MPKK Bil.1/2013 pada 23 April 2013;
- MPKK Bil.2/2013 pada 29 Julai 2013; dan
- MPKK Bil.3/2013 pada 30 Disember 2013.

Daripada jumlah tersebut, 158 merupakan NOSS baru dan 112 adalah NOSS kaji semula. 95.6 % daripada jumlah NOSS yang diluluskan pada tahun 2013 dibangunkan menggunakan NOSS Format Baru sementara 4.4 % daripada jumlah tersebut merupakan NOSS Format Lama. Statistik NOSS yang dibangunkan dan diluluskan pada tahun 2013 adalah seperti berikut:



Carta 3.1:
Statistik pembangunan NOSS pada tahun 2013

Bilangan NOSS Aktif sehingga 30 Disember 2013 adalah sebanyak 1,458 meliputi 29 sektor NOSS, di mana 631 (43%) merupakan NOSS format baru dan




Carta 3.3:
Perbandingan Peratusan NOSS format baru dan lama

827 (57%) merupakan NOSS format lama seperti di Carta 3.3.

3.7 Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran


Bagi tahun 2013, sebanyak 246 *Competency Unit* (CU) telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 30 CU Tahap 1, 89 CU Tahap 2 dan 127 CU Tahap 3.

Sebanyak 16,919 soalan penilaian pengetahuan dan 918 soalan penilaian prestasi telah diluluskan yang merangkumi 246 CU. Statistik soalan dan bilangan



Carta 3.2:
Statistik pembangunan NOSS dari tahun 1990 hingga 2013

CU yang telah bangunan bagi setiap tahap adalah seperti Carta 3.4 di bawah:



Carta 3.4:
Statistik bilangan soalan dan CU yang dibangunkan bagi setiap tahap

3.8 Program Pemerkaasan Sistem Pentauliahan dan Persijilan Kemahiran Malaysia

Beberapa program Pemerkaasan Sistem Pentauliahan dan Persijilan Kemahiran Malaysia telah dijalankan sepanjang tahun 2013:

- Klinik Bimbingan Dan Khidmat Nasihat Pentauliahan Program Kemahiran 2013;
- Bengkel Kerja Pemantapan Panel Penilai Pentauliahan Program Kemahiran (PPPPK);
- Klinik Bimbingan dan Khidmat Nasihat Persijilan Program Kemahiran 2013;
- Bengkel dan Lawatan Penandaarasan bagi Penyeragaman Pelaksanaan SPKM, JPK;

- Bengkel Pembangunan dan Penyemakan Panduan PPT;
- Bengkel Semakan dan Penyediaan Kertas Cadangan Tambahan bagi Penerimaan SKM, DKM dan DLKM sebagai salah satu syarat lantikan ke Skim Perkhidmatan Awam; dan
- Kursus Pemantapan PP-PPT dan PPL-PPT Dalam Penilaian DKM dan DLKM.

3.8.1 Klinik Bimbingan Dan Khidmat Nasihat Pentauliahan Program Kemahiran 2013

Pelaksanaan klinik ini adalah bertujuan memberi penerangan berhubung tatacara dan prosedur permohonan pentauliahan seterusnya membimbing personel daripada Pusat Latihan Kemahiran (PLK) yang berminat untuk mendaftar sebagai Pusat Bertauliah (PB) JPK. Sebanyak lapan (8) siri klinik telah diadakan bermula 29 Oktober 2013 hingga 4 Disember 2013, bertempat di CIAST Shah Alam yang melibatkan seramai 183 orang peserta seperti di Jadual 3.4.

Jadual 3.4:
Jadual Klinik Bimbingan Dan Khidmat Nasihat Pentauliahan Program Kemahiran 2013

Siri	Tarikh	Tempat	Peserta (Orang)
1	13 Mei 2013		24
2	05 Jun 2013		26
3	03 Julai 2013		20
4	20 Ogos 2013		19
5	02 September 2013	Bilik Bijaksana, CIAST	20
6	2 Oktober 2013		34
7	11 November 2013		24
8	4 Disember 2013	Bilik Kuliah 12, CIAST	16



Klinik Bimbingan Dan Khidmat Nasihat Pentauliah Program Kemahiran 2013

3.8.2 Bengkel Kerja Pemantapan Panel Penilai Pentauliah Program Kemahiran (PPPPK)

Bengkel pemantapan PPPPK diadakan bertujuan untuk mengemaskini maklumat berkenaan Sistem Pentauliah Kemahiran Malaysia dan mendapatkan maklumbalas daripada PPPPK bagi tujuan penambahbaikan pelaksanaan penilaian pentauliah program kemahiran. Bengkel ini telah diadakan pada 18 hingga 20 November 2013 bertempat di Hotel Grand BlueWave Shah Alam Selangor yang melibatkan seramai 21 orang peserta.

3.8.3 Klinik Bimbingan dan Khidmat Nasihat Persijilan Program Kemahiran 2013

Program ini adalah bertujuan untuk memberi penerangan yang jelas kepada pusat bertauliah

(PB) baharu atau sediaada, berkaitan pendaftaran pelatih, penugasan Pegawai Pengesah Luaran (PPL) dan persijilan pelatih. Klinik ini juga merangkumi prosedur, proses permohonan dan isu - isu berkaitan SPKM. Program ini bermula pada 26 Oktober 2013 dan berakhir 4 Disember 2013.

Sebanyak tujuh (7) siri klinik bimbingan dan khidmat nasihat persijilan telah diadakan di tujuh (7) zon di seluruh negara seperti di Jadual 3.5 yang melibatkan seramai 279 orang peserta dari 130 pusat bertauliah.

Jadual 3.5:
Jadual Klinik Bimbingan dan Khidmat Nasihat Persijilan Program Kemahiran 2013

Bil	Zon	Tarikh	Tempat	Peserta (Orang)
1.	Utara	29 Oktober 2013	Holiday Villa, Alor Setar, Kedah	50
2.	Tengah	14 November 2013	Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)	20
3.	Sarawak	18 November 2013	Harbour View Hotel Kuching, Sarawak	40



Bengkel Kerja Pemantapan Panel Penilai Pentauliah Program Kemahiran (PPPPK)

Bil	Zon	Tarikh	Tempat	Peserta (Orang)
4.	Selatan	21 November 2013	Hotel Grand Paragon Johor Bahru, Johor.	39
5.	Sabah	25 November 2013	The Klagan Hotel Kota Kinabalu, Sabah.	46
6.	Timur	28 November 2013	Hotel Tanjung Vista Kuala Terengganu, Terengganu.	42
7.	Tengah	4 Disember 2013	Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)	42



Aktiviti jadual klinik bimbingan yang dijalankan

Jadual 3.6:

Bengkel dan Lawatan Penandaarasan bagi Penyeragaman Pelaksanaan SPKM

Bil	Tarikh	Tempat	Aktiviti
1.	17 Nov 2013	Mines Wellness Hotel, Seri Kembangan	- Pengenalan, Taklimat Pelaksanaan Bengkel & Pembahagian Kumpulan - Perasmian Bengkel dan Lawatan Penandaarasan oleh TKP 1
2.	18 Nov 2013	ILP Pedas	- Pembentangan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia oleh ILJTM - Lawatan ke Pusat Bertauliah ILJTM

3.8.4 Bengkel dan Lawatan Penandaarasan bagi Penyeragaman Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)

Bengkel dan Lawatan Penandaarasan bagi Penyeragaman Pelaksanaan SPKM telah diadakan pada 17 November 2013 sehingga 22 November 2013 di sekitar kawasan Kuala Lumpur dan Selangor seperti di Jadual 3.6.

Bengkel dan lawatan ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan terbaik di institusi dan titik keseragaman amalan di institusi berkaitan, mengenalpasti tahap dan amalan pelaksanaan latihan yang terbaik serta membuat rumusan terhadap lawatan penandaarasan yang dijalankan. Selain itu, bengkel ini juga bertujuan untuk memastikan semua agensi terlibat mengambil maklum dan mengemukakan cadangan yang sesuai untuk dilaksanakan di institusi-institusi latihan yang lain.

Peserta bengkel adalah terdiri daripada wakil-wakil dari Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Construction Industry Development Board Malaysia* (CIDB) serta melibatkan petugas khas JPK.

Bil	Tarikh	Tempat	Aktiviti
3.	19 Nov 2013	Pusat Latihan CIDB, Cheras	- Pembentangan Pelaksanaan Latihan Kemahiran oleh CIDB - Lawatan ke Pusat Latihan CIDB
4.	20 Nov 2013	Kolej Komuniti Selayang	- Pembentangan Pelaksanaan Latihan Kemahiran oleh Kolej Komuniti - Lawatan ke Pusat Latihan Kolej Komuniti
5.	21 Nov 2013	IKM, Kuala Lumpur	- Pembentangan Pelaksanaan Latihan Kemahiran oleh IKM - Lawatan ke IKM
6.	22 Nov 2013	Mines Wellness Hotel, Seri Kembangan	- Perbincangan Pelaksanaan Penyeragaman Persijilan Kemahiran bagi tahun 2014



Sesi Perbincangan dan Pembentangan yang diadakan sepanjang program yang berlangsung bermula 17 November 2013 - 22 November 2013 di Mines Wellness Hotel, Seri Kembangan



Sesi lawatan penandaarasan ke ILP Pedas, Negeri Sembilan yang diadakan pada 18 November 2013.



Sesi lawatan penandaarasan ke Pusat Latihan CIDB bertempat Cheras, Selangor yang diadakan pada 19 November 2013.



Sesi lawatan penandaarasan ke Kolej Komuniti Selayang yang diadakan pada 20 November 2013.



Sesi lawatan penandaarasan ke IKM Kuala Lumpur yang diadakan pada 21 November 2013.

3.8.5 Bengkel Pembangunan dan Penyemakan Panduan PPT

Bengkel ini bertujuan untuk mengkaji semula pelaksanaan persijilan melalui kaedah PPT sedia ada selaras dengan keperluan semasa. Panduan yang dibangunkan ini adalah seperti panduan persijilan modular melalui kaedah PPT, Pusat bertauliah PPT (PB-PPT), *Single Tier* dan Panduan Laporan Penilaian Keterampilan Terdahulu (LPKT). Jadual pelaksanaan bengkel adalah seperti di dalam Jadual 3.7.

Jadual 3.7:
Perlaksanaan bengkel pembangunan dan penyemakan panduan PPT

Bil	Tarikh	Nama Bengkel	Tempat
1.	1 Ogos 2013	Bengkel Semakan Pembangunan Panduan Laporan Penilaian Keterampilan Terdahulu (LPKT)	Pejabat JPK Cyberjaya, Selangor
2.	26 – 28 Nov 2013	Bengkel semakan kadar bayaran PPT	Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan
3.	2 – 4 Dis 2013	Bengkel Pembangunan Panduan Modular dan PB-PPT	Felda Residence Hot Spring, Perak
4.	12 – 13 Dis 2013	Bengkel Semakan Panduan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah PPT- Single Tier	Residence Hotel, Bangi, Selangor

3.8.6 Bengkel Semakan dan Penyediaan Kertas Cadangan Tambahan bagi Penerimaan SKM, DKM dan DLKM Sebagai Salah Satu Syarat Lantikan ke Skim Perkhidmatan Awam.

Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2011, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memaklumkan bahawa kelayakan SKM Tahap 2 dan 3 yang dikeluarkan oleh JPK telah diperuntukkan sebagai salah satu syarat lantikan ke 13 skim perkhidmatan awam. Sehingga kini hanya 17 skim perkhidmatan sahaja yang menerima kelayakan SKM sebagai salah satu syarat lantikan ke perkhidmatan awam.

Bagi memperluaskan lagi penerimaan tersebut, satu bengkel semakan kertas cadangan tambahan telah diadakan pada 17 hingga 20 November 2013 di Bukit Gambang Resort City, Kuantan, Pahang. Antara objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk memperhalusi dan menambahkan cadangan dari segi pemetaan program latihan kemahiran dengan syarat lantikan skim perkhidmatan mengikut garis panduan ditetapkan oleh JPA.

3.8.7 Kursus Pemantapan PP-PPT dan PPL-PPT Dalam Penilaian DKM dan DLKM

Perlaksanaan persijilan DKM dan DLKM melalui kaedah PPT melibatkan komponen penilaian projek akhir selain daripada penilaian portfolio. Bagi memantapkan pemahaman personel penilai PPT (PP-PPT dan PPL-PPT) terhadap kaedah penilaian ini, tiga (3) siri bengkel telah diadakan seperti di Jadual 3.8

Jadual 3.8:
Kursus Pemantapan PP-PPT dan PPL-PPT bagi
Penilaian DKM/DLKM
Melalui Kaedah PPT

Siri	Tarikh	Tempat	Peserta (Orang)
1.	7 November 2013	Concorde Inn, Sepang	23
2.	18 November 2013	Hotel Residence, Bangi	21
3.	10 Disember 2013	Hotel Palm Garden, IOI Resort	17

3.9 *National Blue Ocean Strategy* (NBOS)

National Blue Ocean Strategy (NBOS) adalah satu inisiatif kerajaan bagi meneraju negara ini ke arah sebuah negara maju, berpendapatan tinggi, harmoni dan sejahtera dalam semua aspek. Intipati NBOS merupakan satu tindakan kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat melalui kesepakatan antara pelbagai Kementerian, Jabatan atau agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta.

JPK merupakan salah satu daripada Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang terlibat dalam pelaksanaan NBOS melalui program-program di bawah iaitu:

- i Pusat Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Centre - RTC);
- ii Pusat Transformasi Bandar (Urban Transformation Centre - UTC); dan
- iii Skim Kemahiran Dan Kerjaya 1Malaysia (SKK1M).

3.9.1 Pusat Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Centre, RTC)

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) merupakan satu pusat yang diperkenalkan oleh kerajaan di bawah NBOS4. Sehingga kini, terdapat enam (6) RTC telah diwujudkan, iaitu RTC Perak, RTC Kelantan, RTC Melaka, RTC Pahang, RTC Kedah dan RTC Johor.

Salah satu daripada enam (6) inisiatif yang dilaksanakan di RTC termasuk latihan kemahiran kepada penduduk. Dalam pelaksanaan inisiatif ini, JPK terlibat dalam membantu penduduk dengan menyediakan peluang latihan secara berterusan kepada masyarakat di pusat-pusat RTC dan kawasan sekitar bertujuan menambah pengetahuan, kemahiran dan keupayaan bagi meningkatkan pendapatan, peluang pekerjaan dan taraf hidup.


Berikut merupakan antara kursus-kursus yang telah dijalankan oleh pusat bertauliah JPK di sekitar RTC yang terlibat:



Bengkel Semakan dan Penyediaan Kertas Cadangan Tambahan bagi Penerimaan SKM, DKM dan DLKM Sebagai Salah Satu Syarat Lantikan ke Skim Perkhidmatan Awam

- Pengendalian dan Penyelenggaraan Backhoe
- Pengendalian Papan Suis Utama Voltan Rendah
- Penyediaan Makanan Barat dan Ukiran Buah-buahan
- Jahitan Pakaian Kurung Tradisional dan Kurung Riau

Statistik jumlah pelatih yang telah dilatih dan kursus ditawarkan bagi tahun 2013 di sekitar RTC Perak, RTC Kelantan, RTC Melaka, & RTC Pahang adalah seperti Carta 3.5:



Carta 3.5:
Statistik Bilangan Kursus dan Pelatih bagi Kursus di bawah Pelaksanaan RTC tahun 2013



Pelaksanaan kursus-kursus di sekitar RTC

3.9.2 Pusat Transformasi Bandar (*Urban Transformation Centre, UTC*)

Pada tahun 2013, dua (2) UTC baru telah ditubuhkan iaitu UTC Ipoh dan UTC Kedah. Kedua-dua UTC tersebut telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri. UTC Ipoh diselia oleh JPK Wilayah Tengah manakala UTC Kedah diselia oleh JPK Wilayah Utara. Secara keseluruhannya, empat (4) buah UTC (termasuk UTC Melaka dan UTC Kuala Lumpur yang diwujudkan pada tahun 2012) telah diwujudkan sebagai *one-stop-centre* bagi menyediakan perkhidmatan kerajaan untuk masyarakat setempat.

3.9.3 Skim Kemahiran Dan Kerjaya 1MALAYSIA (SKK1M)



Program Skim Kemahiran Dan Kerjaya 1Malaysia (SKK1M) telah diwujudkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada tahun 2012 menerusi pelaksanaan National Blue Ocean Strategy (NBOS). Tujuan program ini diwujudkan





Majlis Perasmian UTC Ipoh dan UTC Kedah oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

adalah untuk membantu para pelatih lepasan institusi latihan kemahiran yang tidak berupaya mendapat kerja setelah tamat latihan. Menerusi program SKK1M, para peserta akan diberikan latihan selama 1 hingga 2 bulan di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dan para peserta tersebut akan diberikan pekerjaan ditempat mereka menjalani latihan. Para peserta juga diberikan wang elaun bulanan

sebanyak RM500.00 sepanjang 2 bulan latihan dijalankan.

Pada tahun 2013, JPK telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi penyelaras pusat kepada 10 agensi di tujuh (7) kementerian berbeza yang menjalankan latihan kemahiran. Berikut adalah pencapaian yang telah dicapai sepanjang tahun 2013.

Jadual 3.9:
Pencapaian SKK1M Mengikut Kementerian

Kementerian	Institut Latihan Kemahiran	Pencapaian SKK1M 2013
Kementerian Sumber Manusia (KSM)	- Institut Latihan Perindustrian (ILP) - Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI) - Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC)	1,300
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)	Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC)	100
Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	- Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) - Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)	700
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (Majlis Amanah Rakyat, MARA)	- Institut Kemahiran MARA (IKM) - Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) - GiatMARA - UniKL	600 1,000 200
Kementerian Pertahanan (Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera)	Institut PERHEBAT	200
Kementerian Pendidikan	- Kolej Komuniti - Politeknik	300 800
Kementerian Kerja Raya	CIDB (Akademi Binaan Malaysia)	200
JUMLAH PESERTA		5,400
JUMLAH PERUNTUKAN		RM 5,400,000

3.10 Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran

Pada tahun 2013, dua (2) kajian berkaitan dengan *Technical Education And Vocational Training (TVET)* telah dijalankan seperti berikut:

- a) *APEC New Strategy For Structural Reform (ANSSR): Enhancing The Quality And Relevance Of TVET For Current And Future Industry Needs; dan*
- b) *Pembangunan Kapasiti - Rasionalisasi Penawaran dan Permintaan Tenaga Kerja Technical and Vocational Education and Training (TVET).*

Berikut merupakan penerangan aktiviti ringkasan dapatan dari kajian-kajian tersebut:

3.10.1 *APEC New Strategy For Structural Reform (ANSSR): Enhancing The Quality And Relevance Of TVET For Current And Future Industry Needs*

Cetusan projek kajian ini telah bermula apabila Jabatan telah menghantar pegawai bagi menghadiri bengkel, iaitu "*APEC New Strategy for Structural Reform (ANSSR) Project Development Residential Training Workshop*" pada 3 – 6 Julai 2012 bertempat di Bali, Indonesia. Setiap wakil dari Malaysia, iaitu MITI, PEMUDAH, KSM dan SMECorp ditugaskan untuk menyediakan *Concept Note* bagi tujuan bengkel ini dan *Concept Note* oleh Jabatan ini telah dipilih memandangkan ianya lebih menjurus kepada salah satu ANSSR yang digariskan iaitu "*Promoting*

Labour Market Opportunities, Training and Education". Lanjutan dari itu, *Concept Note* bertajuk "*ANSSR: Enhancing the Quality and Relevance of Technical and Vocational Education and Training (TVET) for Current and Future Industry Needs- Phase 1*" telah dikemukakan kepada APEC pada 27 Ogos 2012 dengan sokongan pihak MITI untuk kelulusan peruntukan disamping mendapat sokongan daripada dua *co-sponsor* iaitu negara Australia dan Singapura. Projek ini telah secara prinsipnya mendapat kelulusan peruntukan oleh Sekretariat APEC melalui surat *Approval of Project Proposal* bertarikh 20 Disember 2012.

Kajian ini menjalankan analisa perbandingan dan penandaarasan yang melibatkan tiga (3) negara maju, iaitu Kanada, Australia dan Singapura bagi mengkaji kaedah pelaksanaan serta melihat amalan terbaik (*best practices*) di dalam pembangunan *Occupational Analysis (OA)* dan *National Occupational Skills Standards (NOSS)*. Projek ini juga bertujuan memperoleh cadangan penambahbaikan bagi mempromosi standard kaedah pembangunan *OA* dan *NOSS*.

Kajian ini telah bermula dijalankan pada 30 Mei 2013 oleh perunding yang dilantik, iaitu Professional & Technical Academy Sdn. Bhd. (PRITEC). Sepanjang tahun 2013, mesyuarat bersama Jawatankuasa Pemandu Projek telah diadakan sebanyak 4 kali manakala mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dijalankan sebanyak 10 kali. Aktiviti-aktiviti berkaitan kajian ANSSR adalah seperti di Jadual 3.10.

Jadual 3.10:
Aktiviti Kajian ANSSR

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Mesyuarat kick-off & Pembentangan Laporan Inception	30 Mei 2013
2.	Focus Group Workshop di De Palma Hotel, Ampang	11 Jun 2013
3.	Pembentangan Laporan Interim I	18 Jun 2013
4.	Pembentangan Laporan Interim I semasa APEC EC Meeting di Medan, Indonesia	29 - 30 Jun 2013
5.	<i>Field visit study</i> ke Australia	16 - 21 September 2013
6.	<i>Field visit study</i> ke Singapura	26 - 27 September 2013
7.	<i>Field visit study</i> ke Kanada	7 - 15 Oktober 2013
8.	Pembentangan Laporan Interim II	25 Oktober 2013
9.	Pembentangan Laporan Akhir	26 November 2013

Beberapa siri lawatan penandaarasan telah dilaksanakan di beberapa negara yang

telah dipilih iaitu Kanada, Australia dan Singapura.

i. *Field Visit Study* di Kanada



Employment and Social Development Canada (ESDC) & Algonquin College



Canadian Council of Technicians and Technologies (CCTT)



Council of Ministers of Education Canada (CMEC)



Humber Centre for Trades and Technology (CAR)

ii. *Field Visit Study di Australia*



Department of Industry, Canberra



Swinburne University of Technology Hawthorn Campus



Construction & Property Services Industry Skills Council (CPSISC)



Auto Skills Australia (ASA)

iii. *Field Visit Study di Singapura*



Bersama Program Director, APEC Secretariat



Ministry of Education



Singapore Workforce Development Agency (WDA)



Findings – The findings in this research are presented in the form of Best Practices for both Occupational Frameworks and Occupational Competency Standards development. The Best Practices for Occupational Framework development focus on industry involvement throughout the development either as subject matter experts or validation panel, industry input for statistical data, segmentation of industries,

grouping of occupational areas, overall overview of all industries that can facilitate long term planning and analysis of pertaining information such as career paths, occupational description including industry overview to facilitate the readers in understanding the overall potential of an occupation in a certain trade. The Best Practices for Occupational Competency Standards Development focus on analysing an

occupational area to determine the relevant competencies required to be competent in a particular occupation that result in Competency Units/Duties, formulation of Core Competencies and Elective Competencies that must be clearly defined in terms of purpose and grouping according to qualifications/occupational areas, identification of the Performance Criteria, the enabling requirements of a particular job/task/work activity that include the underpinning knowledge, related skills, tools, equipment and materials, attitude and adherence to relevant legislation and assessment criteria that must be clearly stated in certain range and context. The standard development methodology proposed in the report is aspired to enhance current development methodologies.

3.10.2 Pembangunan Kapasiti - Rasionalisasi Penawaran dan Permintaan Tenaga Kerja *Technical and Vocational Education and Training* (TVET)

Jawatankuasa Pemandu (JP-TVET) dan 3 Pasukan Petugas (PP-TVET) telah ditubuhkan pada 14 Ogos 2012 hasil daripada keputusan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Modal Insan (JKPMI) pada 10 Februari 2012. JP-TVET ini dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif


MQA dan mempunyai objektif yang berbeza-beza.

- i. Objektif pasukan 1- Pembangunan kapasiti
- ii. Objektif pasukan 2 - Pembangunan kapabiliti
- iii. Objektif pasukan 3- Impak dan hasil


Oleh yang demikian, Pasukan Petugas 1 diketuai oleh YBhg. Datuk Dr KPPK dan mempunyai 9 orang ahli Jawatankuasa dari pelbagai agensi seperti ILMIA, KBS, KPT, KPM, KKLW, PEMANDU, MEF, FMM dan bahagian dasar KSM. Skop utama PP-TVET 1 ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai keperluan dan bekalan (*supply and demand*) sumber manusia negara berkaitan TVET.

Hasil dapatan kajian bagi pasukan 1 menunjukkan terdapat tujuh (7) sektor yang akan mempunyai permintaan melebihi daripada penawaran mengikut unjuran yang dibuat sehingga 2015. Carta 3.6 menunjukkan bahawa sektor *Wholesale & Retail* mempunyai jurang yang paling ketara diikuti dengan sektor *Oil, Gas & Energy*.

Kajian juga menunjukkan terdapat tujuh (7) sektor yang akan mempunyai penawaran



Carta 3.6:
Analisis Jurang bagi 7 Sektor yang Mempunyai Permintaan Melebihi dari Penawaran (*undersupply*) mengikut unjuran sehingga 2015



Carta 3.7:

Analisis Jurang bagi 7 Sektor yang Mempunyai Penawaran Melebihi daripada Permintaan (*oversupply*) mengikut unjuran sehingga 2015

melebihi daripada permintaan mengikut unjuran yang dibuat sehingga 2015. Carta 3.7 menunjukkan bahawa sektor *Electrical & Electronics* mempunyai jurang yang paling ketara diikuti dengan sektor *Building & Constructions*.

Dalam usaha untuk memperkukuh dan memperkasakan TVET, kajian telah mencadangkan agar satu kawal selia dan koordinasi secara berpusat diwujudkan bagi menyelaraskan segala program dan aktiviti berkaitan TVET di semua agensi yang berkaitan seluruh negara.

3.11 Penarafan Bintang Program Bertauliah di Pusat Bertauliah (PB) Tahun 2013.

Penarafan Bintang Program Bertauliah di PB diadakan bertujuan untuk memberi penarafan ke atas program-program yang dijalankan oleh PB dari segi tahap penyampaian perkhidmatan latihan kemahiran yang disediakan oleh PB.

Perlaksanaan Penarafan Bintang Program Bertauliah di PB adalah berdasarkan kepada beberapa keputusan dasar dan perundangan yang telah ditetapkan, antaranya adalah :



Bengkel percambahan pendapat dan semakan laporan kajian.

a) **RMKe-10 :**

Memperkemas penyampaian TVET dan melaksanakan Sistem Penarafan untuk menilai prestasi institusi latihan awam dan swasta di mana ianya menjadi asas untuk pembiayaan pelatih.

b) **Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652) :**

Seksyen 38 memperuntukan Pemeriksaan terhadap PB hendaklah dibuat dari semasa ke semasa.

c) **NKEA EPP5 :**

Increase availability of demand-side funding and funding can also be allocated based on performance metrics, e.g. employability, which will be monitored by JPK.

d) **Keputusan MPPK :**

Mesuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) Bil 3/2009 pada 1 Okt 2009 dan Mesuarat Jawatankuasa Tetap Penyelaras Antara Agensi Latihan (JTPAAL) Bil 3/2010 pada 23 Sept 2010.

Objektif Penarafan Bintang Program Bertauliah di Pusat Bertauliah adalah untuk:


- Menilai dan mengukur prestasi PB berada pada tahap kualiti penyampaian perkhidmatan latihan kemahiran mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan;
- Menentukan program latihan yang terbaik yang dijalankan oleh PB; dan
- Meletakkan semua PB pada tahap kedudukan mengikut *ranking* agar PB sentiasa diberikan maklumbalas dan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan operasi masing-masing.

Pelaksanaan penilaian Penarafan Bintang Program Bertauliah di Pusat Bertauliah berdasarkan tiga (3) komponen iaitu:


- Input (30%);
- Proses (40%); dan
- Output (30%).

PB membuat penilaian sendiri terlebih dahulu sebelum pengesahan dilakukan oleh pemeriksa melalui lawatan penilaian ke PB. Pemeriksa adalah pegawai yang dilantik oleh JPK di bawah Seksyen 37, Akta 652.

Lawatan Penilaian bagi penarafan ini telah dijalankan sepanjang Jun sehingga November 2013 melibatkan seramai 100 orang pemeriksa yang dibahagikan kepada 4 orang pemeriksa bagi setiap kumpulan. Penilaian telah dibuat melibatkan 813 Pusat Bertauliah (PB) yang terdiri daripada 32% (263) Kerajaan, 65% (529) Swasta, 1.76% (14) Industri, 1% (5) NDT dan 0.24% (2). Daripada 813 PB yang telah dinilai sebanyak 574 PB telah ditarafkan seperti di Carta 3.8. Selain itu, sebanyak 2,821 program telah ditarafkan seperti di Carta 3.9.




Carta 3.8:
Bilangan Pusat Bertauliah Mengikut Kategori Bagi Penarafan Bintang Tahun 2013



NILAI - PB yang layak dinilai / diberi penarafan
TUTUP - PB tiada pada alamat yang ditauliahkan
PINDAH - PB dalam proses pindah
TIDAK DAPAT DIKESAN - PB tidak dapat dikesan / dihubungi
KEKUALI - PB mohon pengecualian
TAMAT - PB mohon penamatan / tidak berminat menjalankan program
SYARAT - PB semua program bersyarat

Carta 3.9:
 Bilangan Pusat Bertauliah Yang Terlibat Bagi Penarafan Bintang Tahun 2013




Carta 3.10:
 Bilangan Program Bertauliah Yang Ditarafkan Mengikut Kategori Pusat Bertauliah Bagi Tahun 2013

Penarafan bintang ke atas program bertauliah adalah berdasarkan pencapaian peratusan markah penilaian seperti Jadual 3.11 di bawah dan ditentukan oleh Jawatankuasa Penilaian. Penarafan berdasarkan laporan lawatan yang telah dijalankan oleh pegawai pemeriksa yang telah dilantik.

Jadual 3.11:
 Julat pemarkahan

Jumlah Markah	Tahap Penarafan	Bintang
90 – 100	TAHAP 5 CEMERLANG	★★★★★
75 – 89	TAHAP 4 SANGAT BAIK	★★★★
60 – 74	TAHAP 3 BAIK	★★★
46 – 59	TAHAP 2 MEMUASKAN	★★
45 dan ke bawah	TAHAP 1 LEMAH	★

Hasil daripada Penarafan Bintang Program Bertauliah di Pusat Bertauliah Tahun 2013 menunjukkan 530 (19%) program telah mendapat penarafan tahap Cemerlang (5 Bintang), 1,248 (44%) program mendapat penarafan tahap Sangat Baik (4 Bintang), 795 (28%) program mendapat penarafan tahap Baik (3 Bintang), 178 (6%) program mendapat penarafan tahap memuaskan (2 Bintang) dan 70 (3%) program telah penarafan mendapat tahap Lemah (1 Bintang) seperti merujuk kepada carta 3.11 .



Carta 3.11:
 Hasil Penarafan Bintang Program Bertauliah Bagi Pusat Bertauliah Tahun 2013

Penemuan hasil daripada penarafan menunjukkan bahawa 91% program dilaksanakan dengan berkesan (mendapat penarafan tahap Baik, Sangat Baik & Cemerlang) manakala 9% program dilaksanakan secara tidak berkesan (mendapat penarafan tahap

Lemah & Memuaskan). Sebanyak 68 PB mendapat sekurang-kurangnya 1 program Cemerlang (5 bintang) melibatkan 42 PB awam dan 26 PB swasta.

3.12 Pengiktirafan Latihan Kemahiran Melalui Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM)

Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM) merupakan sistem aplikasi yang dibangunkan pada

1 April 2012 dan telah disiapkan pada 20 Disember 2013. Sepanjang tahun 2013, projek rintis bagi pembangunan SKKM telah dijalankan terhadap 10 PB terpilih yang merangkumi tujuh (7) program bertauliah melibatkan 118 pelajar untuk melihat penggunaan sistem kredit dalam pelaksanaan SPKM berasaskan kredit kemahiran. PB yang melaksanakan projek rintis dan program yang dilaksanakan adalah seperti di Jadual 3.13.

Jadual 3.13:
Pusat Bertauliah Projek Rintis SPKM Berasaskan Kredit Kemahiran

BIL	PUSAT BERTAULIAH (PB)	PROGRAM	NAMA & KOD PROGRAM	BIL PELATIH (Orang)
1.	VETA	PB Tempatan	Juruteknik Kimpalan Arka Logam Berperisai (Keluli Karbon & Keluli Tahan Karat) (H -024-3)	21
2.	Akademi Jahitan Kamsiah	PB Tempatan	Pembuat Pakaian Wanita Tahap 3 (K-021-2)	16
3.	CIAST	PB Tempatan	Pegawai Latihan Vokasional Tahap 3 (I-031-3)	29
4.	IKBN SRI Iskandar	PB Tempatan	Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik-Satu Fasa (EE-320-2)	22
5.	ILP KL	PB Tempatan	Juruteknik Sistem Komputer (IT-020-3)	8
6.	Asean Culinary	PB Antarabangsa	Penyedia Makanan Tahap 2 (L-041-2)	1
7.	A Cut Above	PB Antarabangsa	Pendandan Rambut Tahap 2 (N-022-2)	2
8.	SEGI Training	PB Tempatan	Pendandan Rambut Tahap 2 (N-022-2)	2
9.	INPENS	PB Tempatan	Pembuat Pakaian Wanita Tahap 3 (K-021-2)	12
10.	Tunas Mahir Services Sdn. Bhd.	PB Tempatan	Pembuat Pakaian Wanita Tahap 3 (K-021-2)	5
JUMLAH PELATIH				118

Pada tahun 2013, taklimat dan bengkel penggunaan sistem aplikasi SKKM telah diadakan di 13 lokasi bermula dari 11 November 2013 sehingga 12 Disember 2013. Objektif taklimat dan bengkel ini adalah untuk:

- memberi pendedahan awal berkenaan aplikasi SKKM dalam sistem penyampaian SPKM berasaskan kredit kemahiran dengan

memaklumkan perubahan pelaksanaan SPKM berasaskan sistem kredit kemahiran,

- menerangkan pelaksanaan sistem kredit kemahiran dalam pelaksanaan SPKM dan
- memberi pendedahan mengenai sistem aplikasi SKKM.

Jadual 3.14 menunjukkan lokasi taklimat dan bengkel yang telah diadakan yang melibatkan sejumlah 713 orang peserta.

Jadual 3.14:
Lokasi Taklimat dan Bengkel SKKM

Bil	Negeri	Lokasi	Jumlah Kedatangan PB & PB -SLDN		
			Sesi 1	Sesi 2	Jumlah Peserta
1.	Kuala Lumpur	Hotel Nouvelle Seri Kembangan, Selangor	11- 12 Nov	12- 13 Nov	60
2.	Sabah	Hotel The Klagan, Kota Kinabalu	11- 12 Nov	12- 13 Nov	56
3.	Sarawak	Merdeka Palace Hotel & Suite, Kuching	14 -15 Nov	15 – 16 Nov	54
4.	Melaka	Hotel Avillion Legacy Melaka	12 – 13 Nov	13 – 14 Nov	45
5.	Kelantan	Hotel EmasLink Pacific, Kota Bharu	17 – 18 Nov	18 – 19 Nov	57
6.	Kedah	Hotel Holiday Villa, Alor Setar	17 – 18 Nov	18 – 19 Nov	58
7.	Perak	Hotel Impiana, Ipoh	18 – 19 Nov	19 – 20 Nov	60
8.	Terengganu	Hotel Tanjong Vista, Kuala Terengganu	20 – 21 Nov	21 – 22 Nov	54
9.	Pulau Pinang	Hotel Swiss Inn, Sungai Petani	20 – 21 Nov	21 – 22 Nov	58
10.	Pahang	Hotel Impiana, Cherating	25 – 26 Nov	26 – 27 Nov	63
11.	Selangor	Hotel Grand Bluewave, Shah Alam	3 – 4 Dis	4 – 5 Dis	59
12.	Negeri Sembilan	Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson	3 – 4 Dis	4 – 5 Dis	31
13.	Johor	Hotel Selesa, Johor Bharu	10 – 11 Dis	11 – 12 Dis	58
JUMLAH					713

Disamping itu juga, mesyuarat penyelarasan dan bengkel penggunaan SKKM dengan agensi kerajaan iaitu JTM dan GIATMARA juga telah diadakan bagi pelaksanaan SPKM berasaskan kredit kemahiran dan pengguna aplikasi SKKM. Jadual 3.15 menunjukkan penyertaan JTM dan GIATMARA dalam aktiviti tersebut.



Taklimat & Bengkel SKKM

Jadual 3.15:
Bengkel Pemantapan JTM dan GIATMARA 2013

BIL	KUMPULAN SASARAN	TEMPAT	TARIKH	BENGKEL	KEHADIRAN
1	Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Impiana Cherating	27 - 28 Nov 2013	Bengkel Latihan Pengguna SKKM Sesi 1	34
			28 - 29 Nov 2013	Bengkel Latihan Pengguna SKKM Sesi 2	27
				Bengkel Penyelarasan Kredit dan CGPA	20
2	GIATMARA	Avillion Admiral Cove PD	10 - 11 Dis 2013	Bengkel Latihan Pengguna SKKM Sesi 1	25
			11 - 12 Dis 2013	Bengkel Latihan Pengguna SKKM Sesi 2	24
				Bengkel Penyelarasan Kredit dan CGPA	20
JUMLAH					150



Bengkel Pemantapan JTM dan GIATMARA 2013

BAB 4

PEMERKASAAN
JENAMA
SKILLSMALAYSIA



PEMERKASAAN JENAMA SKILLSMALAYSIA

4.1: Mengaruspardana Latihan Kemahiran Malaysia Melalui Jenama Aktiviti SkillsMalaysia

Penjenamaan SkillsMalaysia merupakan elemen dalam 19 Entry Point Projects (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Antara aktiviti yang telah dijalankan di bawah penjenamaan ini sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

- Pertandingan kemahiran peringkat dunia atau *World Skills Competition (WSC)* 2013;
- Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) 2013;
- Pertandingan MySkills Ke-7 Tahun 2013;
- Karnival Dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) 2013;
- Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) 2013; dan
- Siri Jelajah SkillsMalaysia 2013.

4.1.1: Pertandingan kemahiran peringkat dunia atau *World Skills Competition (WSC)*

Pertandingan kemahiran peringkat dunia atau *World Skills Competition (WSC)* merupakan pertandingan kemahiran yang menguji tahap kompetensi dan kemahiran belia dari 65 buah negara yang berumur 22 tahun dan ke bawah kecuali bagi bidang *Aircraft Maintenance*, *Information Network Cabling* dan *IT Network System Administration* yang mana penyertaan terbuka kepada peserta yang berumur 25 tahun dan ke bawah. Objektif penganjuran pertandingan kemahiran ini adalah untuk mengumpulkan belia yang terbaik dari seluruh dunia mengikut bidang agar dapat bertanding di dalam satu platform yang sama, menggalakkan pembangunan kemahiran teknikal dan vokasional dikalangan negara ahli di

samping mengeratkan hubungan antara negara melalui pertandingan kemahiran yang bertaraf olimpik ini. Malaysia tidak ketinggalan menyertai pertandingan ini sejak tahun 1993 sepertimana yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1:
Penyertaan Malaysia di WSC Dari 1993 Hingga 2013

Tahun	Tuan Rumah	Jumlah Bidang	
		Disertai	Dipertanding
1993	Chinese Taipei	3	39
1995	Perancis	17	38
1997	Switzerland	18	39
1999	Kanada	12	43
2001	Korea	10	39
2003	Switzerland	15	42
2005	Finland	9	39
2007	Jepun	14	47
2009	Kanada	9	45
2011	London	10	46
2013	Germany	14	62

Pada tahun 2013, Malaysia telah menyertai 14 bidang dalam WSC 2013. Lapan (8) bidang yang dipertandingkan diselaraskan oleh JPK iaitu *Electronics*, *Automobile Technology*, *Cooking*, *IT Network System Administration*, *Fashion Technology*, *Restaurant Service*, *Hairdressing* dan *Cabinetmaking*. Manakala enam (6) bidang lain diselaraskan oleh KKR iaitu *Refrigeration and Air-Conditioning*, *Wall and Floor Tiling*, *Plumbing and Heating*, *Electrical Installations*, *Mechanical Engineering Design- CAD* dan *Welding*.



Pencapaian Malaysia di WSC 2013 agak membanggakan kerana telah memperolehi 9 *medallion for excellence* daripada 14 bidang kemahiran yang disertai. Chen Kim Leun, peserta bidang *cooking* merupakan pemenang *Best Of Nation* negara dengan markah 521. Malaysia menduduki

tangga ke-24 di dalam pungutan pingat di WSC 2013 daripada 54 buah negara yang menyertai. Senarai peserta yang bertanding dan pencapaian mereka di WSC 2013 adalah seperti di Jadual 4.2. Jadual 4.3 menunjukkan prestasi Malaysia mengikut bidang yang disertai bermula 1993 sehingga 2013.

Jadual 4.2:

Peserta negara yang bertanding dan pencapaian di WSC 2013

Bil	Nama Peserta	Agensi	Bidang	Markah Keseluruhan	Pencapaian mengikut negara	Pencapaian
1.	Chen Kim Leun	Universiti Taylor, Subang Jaya	Cooking	521	9/31	Medallion For Excellence (Best Of Nation)
2.	Rugaiyah bt. Azahari	GIATMARA Kuala Pilah	Fashion technology	518	6/21	Medallion For Excellence
3.	Ooi Chian Jian	Kolej Komuniti Langkawi	Restaurant Service	517	6/26	Medallion For Excellence
4.	Nik Mohd Fakhrol Razi bin Nik Ahmad Kamil	ILP Terengganu	Electrical Installations	512	14/31	Medallion For Excellence
5.	Muhammad Aizat bin Saari	ILP Kepala Batas	Refrigeration and Conditioning	512	12/23	Medallion For Excellence
6.	Zawawi bin Embong	Universiti Teknikal Malaysia, Melaka	IT Network System Administration	506	14/28	Medallion For Excellence
7.	Chang Wai Ken	IKBN Peretak	Hairdressing	504	10/23	Medallion For Excellence
8.	Amran bin Naim	ILP Labuan	Plumbing and Heating	502	10/24	Medallion For Excellence
9.	Abdul Latif bin Ibrahim	GIATMARA Kepala Batas	Welding	500	19/33	Medallion For Excellence
10.	Muhammad Faizal bin Abdul Malik	IKM Jasin	Mechanical Engineering Design-CAD	495	13/27	Sijil Penyertaan

Bil	Nama Peserta	Agensi	Bidang	Markah Keseluruhan	Pencapaian mengikut negara	Pencapaian
11.	Hasnizam bin Ishak	ILP Mersing	Automobile Technology	488	21/31	Sijil Penyertaan
12.	Izzadin Rusyaimil bin Ahmad Mubarak	MARA Japan Industrial Institute	Electronics	483	11/16	Sijil Penyertaan
13.	Mohd Shukri bin Sintang	ABM Cawangan Sabah	Wall and Floor Tiling	478	22/24	Sijil Penyertaan
14.	Muhammad Zulkarnain bin Sudin	ILP Kota Bharu	Cabinetmaking	475	19/23	Sijil Penyertaan



Jadual 4.3:
Pencapaian Malaysia di WSC dari 1997 hingga 2013

Tahun	Penyertaan Malaysia di WSC	Bilangan <i>medallion for excellence</i>	Peratusan Pencapaian (%)
1993	3	1	33
1995	17	2	12
1997	18	3	17
1999	12	3	25
2001	10	4	40
2003	15	5	33
2005	9	2	22
2007	14	2	14
2009	9	2	22
2011	10	5	50
2013	14	9	64

4.1.2: Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM)

Pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan telah diperkenalkan pada tahun 1990 yang merupakan cetus idea oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia. Selepas 23 tahun penganjurannya, hampir seramai 15 ribu belia telah menyertai Pertandingan Kemahiran Malaysia.

Penganjuran pertandingan merupakan inisiatif kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja mahir di samping untuk memilih dan mengiktiraf belia Malaysia yang mempunyai kemahiran yang unggul serta menanda aras tahap kemahiran tenaga kerja mahir di Malaysia.


Sebanyak 23 bidang kemahiran telah dipertandingkan di dalam Pertandingan Kemahiran Malaysia. Pada tahun 2013,

pertandingan kemahiran peringkat akhir telah diadakan di MAEPS bermula 26 hingga 29 September 2013 sempena dengan penganjuran Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) 2013. Penganjuran pertandingan yang seakan acuan di *World Skills Competition* (WSC) ini telah menarik minat pelbagai peringkat usia untuk menyaksikannya.


Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) merupakan platform untuk menengahkan bakat kemahiran yang dimiliki oleh belia negara yang berumur 22 tahun dan ke bawah kecuali bagi bidang *Information Network Cabling* dan *Mekatronik* tidak boleh melebihi 23 tahun. PKM telah dilaksanakan dari April hingga Mei 2013 di beberapa lokasi pertandingan dengan penyertaan seramai 2,195 orang peserta. Seramai 1,598 orang peserta telah berjaya melayakkan diri ke peringkat pra-kelayakan manakala 202 orang telah melayakkan diri ke pertandingan akhir.



Penyertaan PKM peringkat akhir bagi bidang yang dianjurkan oleh JPK adalah sebanyak 117 orang seperti di Carta 4.4 manakala seramai 85 orang telah menyertai PKM di dalam bidang kemahiran yang dianjurkan oleh Kementerian Kerja Raya seperti di Carta 4.5.



Carta 4.4:
Penyertaan di PKM Peringkat Akhir dalam Bidang Kemahiran Anjuran JPK




Carta 4.5:
Penyertaan di PKM Peringkat Akhir dalam Bidang Kemahiran Anjuran KKR

4.1.3: MySkills

Pertandingan MySkills yang dianjurkan kepada tenaga pengajar telah dijalankan sebanyak 3 peringkat iaitu peringkat saringan, pra-kelayakan dan akhir. Peringkat saringan telah diadakan

di tiga lokasi iaitu ILP Kota Samarahan, ILP Kota Kinabalu dan CIAST, Shah Alam dengan penyertaan seramai 486 orang untuk saringan dan pra-kelayakan pula telah dilaksanakan di beberapa lokasi pertandingan dari April hingga Mei 2013 dengan penyertaan seramai 304 orang peserta. Seramai 57 orang peserta telah berjaya ke peringkat akhir dalam 7 bidang kemahiran. Carta 4.6 menunjukkan ringkasan penyertaan di dalam Pertandingan MySkills pada tahun 2013.



Carta 4.6:
Ringkasan Penyertaan di dalam Pertandingan MySkills 2013



4.2: Promosi Latihan Kemahiran Malaysia Melalui SkillsMalaysia INVITE

Pada tahun 2013, JPK telah menggiatkan usaha bagi mempromosi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia di peringkat antarabangsa di bawah jenama SkillsMalaysia INVITE. Program SkillsMalaysia INVITE adalah bertujuan untuk mempromosi program kemahiran yang ditawarkan oleh pusat bertauliah antarabangsa bagi membawa masuk pelajar asing menjalani latihan di negara ini.

Promosi SkillsMalaysia INVITE 2013 melibatkan 5 lokasi:

- a) Colombo, Sri Lanka;
- b) Yangon, Myanmar;
- c) Makassar, Indonesia;
- d) Samarinda, Indonesia dan
- e) Chennai, India.

Aktiviti promosi SkillsMalaysia INVITE yang dilaksanakan adalah terbahagi kepada dua (2) fasa iaitu aktiviti

Pre-Event dan Ekspo Pameran SkillsMalaysia INVITE. Aktiviti Pre-Event adalah seperti membuat lawatan ke Kementerian berkenaan, agensi latihan kemahiran, promosi di media cetak dan elektronik dan menjalankan seminar SkillsMalaysia INVITE.

Bagi memudahkan maklumat aktiviti promosi disampaikan kepada masyarakat, JPK telah mewujudkan website SkillsMalaysia INVITE (www.skillsmalaysiainvite.gov.my) dan facebook (www.facebook.com/SMInternationalTEVT). Kedua-dua medium penyampaian ini telah dilancarkan oleh Ketua Pengarah JPK di Malaysia Agro Expo Exposition Park (MAEPS), Serdang pada 26 September 2013 bersempena dengan Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK).

Jadual 4.7 adalah senarai aktiviti promosi SkillsMalaysia INVITE yang telah dijalankan sepanjang tahun 2013.



Pelancaran website dan facebook SkillsMalaysia INVITE.

Jadual 4.7:

Senarai aktiviti promosi SkillsMalaysia INVITE yang telah dijalankan sepanjang tahun 2013

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Seminar Pusat Bertauliah Antarabangsa Program SkillsMalaysia INVITE	28 Februari 2013	Putrajaya International Convention Centre (PICC)
2.	Pre-Event promosi dan ekspo Education Malaysia & Skills Training Expo 2013 (Sri Lanka)	26-31 Mac 2013	Colombo, Sri Lanka
3.	Pre-Event promosi dan ekspo Education Malaysia & Skills Training Expo 2013 (Myanmar)	14-20 Mei 2013	Yangon, Myanmar

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
4.	Showcase Malaysia-Chennai	20-22 Jun 2013	Chennai Trade Centre, Chennai, India
5.	Pre-Event promosi dan ekspo Education Malaysia & Skills Training Expo 2013 (Makassar)	20-25 September 2013	Makassar, Indonesia
6.	Pre-Event promosi dan ekspo Education Malaysia & Skills Training Expo 2013 (Samarinda)	23-28 September 2013	Samarinda, Indonesia
7.	Pameran SM INVITE sempena Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) 2013.	26 -29 September 2013	Malaysia Agro Expo Exposition Park (MAEPS), Serdang
8.	Pelancaran website dan facebook SkillsMalaysia INVITE.	26 September 2013	Malaysia Agro Expo Exposition Park (MAEPS), Serdang



Seminar Pusat Bertauliah Antarabangsa Program SkillsMalaysia INVITE



Education Malaysia & Skills Training Expo 2013 Colombo, Sri Lanka



Education Malaysia & Skills Training Expo 2013 Yangon, Myanmar



Showcase Malaysia-Chennai



Education Malaysia & Skills Training Expo 2013 Makassar, Indonesia



Education Malaysia & Skills Training Expo 2013 Samarinda, Indonesia



Pameran SkillsMalaysia INVITE sempena KEKK 2013.



4.3 Program Kesedaran Bagi Memartabatkan Latihan Kemahiran

Siri Jelajah SkillsMalaysia 2013 meneruskan kesinambungan Siri Jelajah SkillsMalaysia 2011 dan 2012 yang diadakan bagi memberi pendedahan secara langsung kepada masyarakat setempat dalam meningkatkan kesedaran mereka agar dapat mengenali bidang kemahiran. Bidang kemahiran boleh menyediakan laluan kerjaya yang luas selain menjamin masa depan.

Kumpulan sasar Siri Jelajah SkillsMalaysia 2013 adalah terdiri daripada pelajar sekolah, pengetua, guru kaunselor, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah, ibu bapa, personal latihan kemahiran, personal pengajian tinggi, golongan majikan dan pekerja daripada industri *Small Medium Enterprise* (SME), *Government Link Company* (GLC) dan Multinational Company (MNC), pemimpin masyarakat dan orang awam.

Aktiviti yang dijalankan adalah seperti di Jadual 4.8 berikut:

Jadual 4.8:
Aktiviti yang dijalankan bagi program kesedaran

BIL	AKTIVITI/PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Mini karnival SkillMalaysia sempena Karnival Pengajian Tinggi Negara 'Jom Masuk U' 2013 Zon 1	26-27/1/2013	Universiti Malaya, Kuala Lumpur
2.	Mini Karnival SkillsMalaysia sempena Karnival Pengajian Tinggi Negara 'Jom Masuk U' 2013 Zon 2	2-3/2/2013	Kota Kinabalu, Sabah
3.	Mini Karnival SkillsMalaysia sempena Karnival Pengajian Tinggi Negara 'Jom Masuk U' 2013 Zon 3	16-17/2/2013	Stadium Alor Setar, Kedah
4.	Mini Karnival SkillsMalaysia sempena Karnival Pengajian Tinggi Negara 'Jom Masuk U' 2013 Zon 4	23-24/2/2013	MITC Melaka
5.	Mini Karnival SkillMalaysia sempena Karnival Pengajian Tinggi Negara 'Jom Masuk U' 2013 Zon 5	2-3/3/2013	Dataran Waterfront, Kuching, Sarawak
6.	Mini Karnival SkillsMalaysia sempena Karnival Pengajian Tinggi Negara 'Jom Masuk U' 2013 Zon 6	9-10/3/2013	Padang Kawat USM, Pulau Pinang
7.	Mini Karnival SkillsMalaysia sempena Karnival Pengajian Tinggi Negara 'Jom Masuk U' 2013 Zon 7	16-17/3/2013	Sultan Ahmad Shah <i>International Convention Centre</i> (SASICC), Kuantan, Pahang
8.	Mini Karnival SkillsMalaysia sempena Karnival Pengajian Tinggi Negara 'Jom Masuk U' 2013 Zon 8	22-23/3/2013	Perkarangan Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak, K. Terengganu
9.	Mini Karnival SkillsMalaysia sempena Karnival Pengajian Tinggi Negara 'Jom Masuk U' 2013 Zon 9	30-31/3/2013	Perkarangan Stadium Sultan Muhammedke-IV, Kota Bharu, Kelantan
10.	Mini Karnival SkillsMalaysia sempena Karnival Pengajian Tinggi Negara 'Jom Masuk U' 2013 Zon 10	6-7/4/2013	DewanJubli Perak, K. Kangsar, Perak
11.	Mini Karnival SkillsMalaysia sempena Karnival Pengajian Tinggi Negara 'Jom Masuk U' 2013 Zon 11	13-14/4/2013	Persada Johor, Johor Bahru
12.	Mini Karnival SkillsMalaysia sempena BN Youth Job Fair 2013	22/2/2013	DataranSyahbandar, Kuala Terengganu

BIL	AKTIVITI/PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
13.	Mini Karnival SkillsMalaysia sempena PKM Pra-Q BidangAutomotif	11-14/4/2013	DataranTelukKemang, Port Dickson N. Sembilan
14.	Mini Karnival SkillsMalaysia sempena Festival Belia Putrajaya	23-26/5/2013	Putrajaya
15.	Karnival SkillsMalaysia ZonTimur	26-29/9/2013	Kuala Terengganu
16.	Mini Karnival SkillsMalaysia sempena KEKK 2013	26-29/9/2013	MAEPS Serdang, Selangor

Dalam melaksanakan Karnival dan Mini Karnival Skills Malaysia pada tahun 2013, JPK telah mengadakan kerjasama dengan Jabatan dan agensi lain sama ada diperingkat persekutuan mahu pun negeri. Di antara Jabatan dan agensi yang berkerjasama adalah KBS, JPM, KPM, MOA, NATC, Kraftangan Malaysia, MARA, JTK, JTM, Jabatan Taman Laut, Kerajaan Negeri Terengganu, ECER, PTPK dan PSMB.

Di antara pengisian program sepanjang karnival berlangsung adalah demonstrasi kemahiran Servis Gunting Rambut RM1 dan Servis Motosikal RM1. Selain daripada Karnival Skills Malaysia, Jabatan juga telah menyertai 38 karnival dan pameran jemputan di seluruh negara seperti di Jadual 4.9.



Jadual 4.9:
38 Karnival dan Pameran Jemputan di Seluruh Negara

BIL	AKTIVITI/PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Jelajah Janji Ditepati Kelantan	20/1/ 2013	RTC Kelantan
2	Jelajah Janji Ditepati Terengganu	23/2/2013	Kuala Terengganu
3	Jelajah Janji Ditepati Perlis	3/3/2013	Stadium UtamaKangar, Perlis
4	Jelajah Janji Ditepati Pahang	23/3/2013	Dataran MPK 2, Kuantan, Pahang
5	Perasmian UTC Perak	15/2/2013	UTC Perak, Ipoh, Perak

BIL	AKTIVITI/PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
6	Karnival Azam Kerja dan 1Malaysia <i>Support For Housewife</i>	10/3/2013	Kluang
7	<i>Study Malaysia Education Fair</i> 2013 Kuching	9-10/3/2013	Kuching, Sarawak
8	<i>Study Malaysia Education Fair</i> 2013 Sibu	16-17/3/2013	Sibu, Sarawak
9	<i>Study Malaysia Education Fair</i> 2013 Kota Kinabalu	23-24/3/2013	Kota Kinabalu, Sabah
10	Hari Terbuka MPOB Keratong	14/3/2013	MPOB Keratong, Pahang
11	Program Pemberian Diskaun Bayaran Balik Pinjaman Latihan Kemahiran Zon Timur PSDC	30/3/13	Kuantan, Pahang
12	Karnival Kerjaya Kolej Vokasional 1Malaysia	12-14/4/2013	Kolej Vokasional Klang, Selangor
13	Karnival Azam Kerja dan 1Malaysia <i>Support For Housewife</i>	25/4/2013	Dataran Segamat, Johor
14	Sambutan Hari Pekerja Peringkat Daerah Segamat	1/5/2013	Batu Anam, Segamat, Johor
15	Mini Karnival Pertanian	3/5/2013	Felda Cenderawasih, Muadzam, Pahang
16	Azam Kerja JTK Langkawi	1/7/2013	Pekan Rabu Langkawi, Kedah
17	NAPEI 32nd Malaysian Education Fair	1-2/6/2013	Midvalley, Kuala Lumpur
18	Program Taman Laut bersama Komuniti Pulau Redang	7/6/2013	Pulau Redang, Terengganu
19	Pelancaran <i>My Career Acceleration Program</i> (MyCAP)	27/6/2013	CCM Pharmaceuticals, Bandar Baru Bangi, Selangor
20	Karnival My3L Zon Timur	24-25/8/2013	Jerteh Souq, Jerteh, Terengganu
21	HRDF Conference & Exhibition 2013	3-4/9/2013	KL Convention Centre
22	Karnival My3L Zon Utara	14-15/9/2013	Politeknik SeberangPerai, P. Pinang
23	Pameran IPMEX Malaysia 2013	24-27/10/2013	PWTC, Kuala Lumpur
24	Karnival Kerjaya Agrobella 2013	26-27/10/2013	PWTC, Kuala Lumpur
25	Karnival Pekerjaan & Program Azam Kerja Sabah 2013	16/3/2013	Suria Sabah Shopping Mall Kota Kinabalu
26	Pameran Latihan Kemahiran Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Negeri Sabah (JPSM)	10/4/2013	Dewan Tun Fuad Stephen Penampang, Sabah
27	Pameran Latihan Kemahiran Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Negeri Sabah (JPSM)	23/4/2013	Dewan Masyarakat Ranau Sabah
28	Pameran Latihan Kemahiran Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Negeri Sabah (JPSM)	18/6/2013	Dewan Masyarakat Sandakan

BIL	AKTIVITI/PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
29	Pameran Latihan Kemahiran Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Negeri Sabah (JPSM)	20/6/2013	Dewan Arked Keningau
30	Pameran Latihan Kemahiran Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Negeri Sabah (JPSM)	27/6/2013	Institut Latihan Kemahiran dan Perdagangan Papar
31	Pameran Latihan Kemahiran Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Negeri Sabah (JPSM)	29/6/2013	Suria Sabah Shopping Mall Kota Kinabalu
32	Pameran Program Hari Pendidikan 2013	19/6/2013	SMK Putatan
33	Pameran Bulan Kerjaya	17/7/2013	SMK Datuk Peter Majuntin Penampang
34	Program Penempatan Pekerjaan 3P	22/10/2013	Dewan Sri SulamanTuaran
35	Hari Terbuka ILP Kota Kinabalu	7/11/2013	ILP Kota Kinabalu
36	Program Penempatan Pekerjaan 3P	9/11/2013	Dewan Masyarakat Baru Papar
37	Karnival kerjaya sempena program himpunan orang muda kedah	31/1-1/2/2013	Stadium Sultan Abdul Halim, AlorSetar
38	Pameran Karnival Pekerjaan Golongan Khas Azam Kerja 1Malaysia PeringkatNegeriPulau Pinang di Perkarangan	8/6/2013	TESCO Extra Seberang Jaya, P. Pinang

Selain daripada itu, beberapa siri kemahiran telah diadakan bagi memberi pendedahan kepada kumpulan sasaran berfokus seperti guru kaunseling sekolah,

ibu bapa, pemimpin masyarakat dan komuniti telah diadakan seperti di Jadual 4.10 berikut:

Jadual 4.10:
Beberapa Siri Kemahiran yang Terlibat

BIL	AKTIVITI/PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Seminar Videografi HDSLR	19/1/2013	BalaiSeni Visual Negara
2.	Seminar Guru Kaunseling KV, SMV dan SMT	8/5/2013	Crystal Lodge Hotel, Kota Bharu, Kelantan
3.	Seminar Meet The Specialist in Photography	28/9/2013	MAEPS Serdang
4.	Seminar Guru Kaunseling KEKK 2013	26/9/2013	MAEPS Serdang
5.	Seminar Skillsmalaysia Untuk Guru-Guru Kaunselor Sekolah Menengah Harian Wilayah Timur 2013	12/11/2013	ILP Kuala Terengganu
6.	Seminar Guru Kaunseling KV, SMV dan SMT	20/5/2013	Dormani Hotel, Kuching, Sarawak
7.	Seminar Guru Kaunseling KV, SMV dan SMT	20/3/2013	Hotel Copthorne Orchid, Pulau Pinang
8.	Seminar Guru Kaunseling KV, SMV dan SMT	24/4/2013	Hotel Pearl International Kuala Lumpur



Beberapa aktiviti dan program yang dijalankan dalam Siri Jelajah SkillsMalaysia 2013

BAB 5

JALINAN ERAT
BERSAMA
INDUSTRI




JALINAN ERAT BERSAMA INDUSTRI

5.1 Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK)

JPPK merupakan sebuah jawatankuasa kerja yang berperanan sebagai penasihat kepada Jabatan dalam menyemak kurikulum yang dibangunkan di samping memberi khidmat nasihat mengenai pembangunan teknologi terkini, bidang-bidang baru, transformasi proses dan prosedur baru serta keperluan sumber tenaga mahir di industri sama ada dari segi bidang atau tahap kekompetenan.

Ahli JPPK terdiri daripada kalangan pakar industri yang mempunyai pengalaman dan kelayakan dalam bidang berkaitan. JPPK juga dianggotai oleh wakil dari persatuan, badan professional, badan penyelidikan dan teknologi, institusi pendidikan tinggi dan badan pentauliahan. Ringkasan aktiviti JPPK 2013 adalah seperti Carta 5.1.



Carta 5.1:
Bilangan aktiviti JPPK sepanjang tahun 2013

5.1.1 Seminar Industri bagi dua (2) sektor utama

Dua (2) seminar industri telah dijalankan bagi memperkenalkan teknologi terkini yang melibatkan sektor Percetakan dan Automotif. Seminar ini juga bertujuan untuk memberi penerangan berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dan memberi pendedahan kepada pemain industri mengenai NOSS yang telah dibangunkan bagi sektor tersebut.

a) Program : Seminar Printing : Ipmex Malaysia & Print Technology 2013

Tarikh : 25 Oktober 2013

Tempat : Putra World Trade Centre

Dirasmikan oleh : YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia





IPMEX MALAYSIA & PRINT TECHNOLOGY 2013

Penganjur : JPPK Printing dan Kaizer Exhibitions and Conferences Sdn Bhd

Objektif : Mempromosikan Persijilan Kemahiran Malaysia

Seminar *Print Summit* 2013 bertujuan untuk memberi penerangan berkaitan SPKM dan memberi pendedahan kepada pemain industri mengenai NOSS yang telah dibangunkan bagi sektor percetakan. Seramai 200 peserta terdiri daripada pekerja industri, pelajar Universiti Teknologi Mara dan pelajar dari Institut Latihan Perindustrian Nibong Tebal telah hadir.

b) Program : Seminar Automotif Negara 2013

Tarikh: 20 Disember 2013

Tempat : Sunway Pyramid Convention Centre, Selangor

Dirasmikan oleh : Pengerusi Malaysia Automotive Institute

Penganjur : Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Malaysia Automotive Institute

Objektif : Mempromosikan Persijilan Kemahiran Malaysia

Seminar Automotif Negara 2013 bertujuan menghebahkan kerjasama strategik antara JPK dan Malaysia Automotive Institute disamping menyebarkan maklumat mengenai Persijilan Kemahiran Malaysia. Seramai 300 peserta terdiri daripada personel syarikat automotif, pekerja industri dan pemegang persijilan kemahiran Malaysia telah menghadiri seminar ini.



Penyerahan Sijil Pelantikan Sebagai ILB Kepada MAI Yang Disampaikan oleh YBrs. Dr. Mohd Rashid bin Buyong Hamzah (Timb. Ketua Pengarah JPK) Sebagai Gimik Perasmian Seminar Automotif Negara 2013

5.2 Industry Lead Body (ILB)

Sehingga Disember 2013 sebanyak 21 ILB telah berjaya dilantik dan sebahagian besar telah menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan JPK. Jadual 5.1 menunjukkan senarai aktiviti ILB sepanjang tahun 2013.

Jadual 5.1:
Senarai Aktiviti ILB Sepanjang Tahun 2013

JENIS AKTIVITI			
ILB	TAJUK		
MDeC	PEMBANGUNAN NOSS	TAHAP	STATUS
	2D Animation Production Support	3	Baru
	2D Animation Production Operation	4	Baru
	2D Animation Content Production Operation	5	Baru
	3D Lighting And Rendering Production Operation	4	Baru
	3D Lighting And Rendering Production Operation	5	Baru
	Graphic Design (Digital)	3	Baru
	Rotoscoping	3	Baru
	Visual Effects Compositing Production	4	Baru
	Visual Effects Compositing Management	5	Baru
CIDB	PEMBANGUNAN NOSS	TAHAP	STATUS
	Pre Stressing	3	Baru
	Lifting Operation (Rigging and Slinging)	3	Baru
	Demolition Works Operation	3	Baru
	Building Operation Maintenance Services	2	Kaji Semula
	Building Operation Maintenance Supervision	3	Kaji Semula
	Tunnel Construction	3	Kaji Semula
NATC	PROMOSI	ZON	
	Promosi SLDN Siri 1	Sabah / Sarawak	
	Promosi SLDN Siri 2	Semenanjung	
	Promosi PPT Siri 1	Semenanjung	
	Promosi PPT Siri 2	Sabah / Sarawak	
	PEMBANGUNAN NOSS	TAHAP	STATUS
	Tanaman Nenas	1	Baru
	Tanaman Nenas	2	Baru
	Tanaman Nenas	3	Baru
	Lebah Madu	1	Baru
	Lebah Madu	2	Baru
	Lebah Madu	3	Baru

JENIS AKTIVITI			
Biotech Corp	PROMOSI	ZON	
	Promosi SKM 2013	Utara	
	Promosi SKM 2013	Selatan	
	Promosi SKM 2013	Tengah	
	PEMBANGUNAN NOSS	TAHAP	STATUS
	Enzymatic Bioconversion Operation	3	Baru
	Enzymatic Bioconversion Administration	4	Baru
	Enzymatic Bioconversion Operation	5	Baru
	Agricultural Biotechnology Laboratory Operation	3	Kaji Semula
	Agricultural Biotechnology Laboratory Technical Management	4	Kaji Semula
	Agricultural Biotechnology Laboratory Technical Management	5	Kaji Semula
	Spiny Lobster Hatchery	3	Baru
	Spiny Lobster Hatchery Control	4	Baru
	Spiny Lobster Hatchery Management	5	Baru
MTMA	PEMBANGUNAN NOSS	TAHAP	STATUS
	Apparel Pattern Making	2	Baru
	Apparel Pattern Design And Construction	3	Baru
	Weft Knitting Operation	2	Baru
	Weft Knitting Supervision	3	Baru
	KAJIAN		
	Kajian- Skills Shortage in Textile Industry		
MAH	PROMOSI	ZON	
	Promosi SKM & PPT 2013	Langkawi	
	Promosi SKM & PPT 2013	Melaka	
	PEMBANGUNAN NOSS	TAHAP	STATUS
	Floral Designing	3	Baru
	Scuba Maintenance	3	Baru
	Travel Consultation	3	Kaji Semula
	Car Rental Operation Control	4	Kaji Semula
	Car Rental Operation Management	5	Kaji Semula
	KAJIAN		
	The employability of Malaysia Skills Certificate (MSC) holder in the hotel sector		

JENIS AKTIVITI			
MTIB	PROMOSI	ZON	
	Aktiviti Promosi SLDN, PPT dan DPIN	1	Kota Kinabalu
	Aktiviti Promosi SLDN, PPT dan DPIN	2	Muar
	Aktiviti Promosi SLDN, PPT dan DPIN	3	Kuantan
	Aktiviti Promosi SLDN, PPT dan DPIN	4	Ipoh
	Aktiviti Promosi SLDN, PPT dan DPIN	5	Miri
	PEMBANGUNAN NOSS	TAHAP	STATUS
	Wood Machine Operator	2	Baru
	Wood Machine Operator	3	Baru
	Finishing Operator	2	Baru
	Finishing Operator	3	Baru
	Timber Preservation	3	Baru
	KAJIAN		
	Tenaga Kerja bagi Sektor Industri Perakayuan		
ILSAS-TNB	PEMBANGUNAN NOSS	TAHAP	STATUS
	Pencantum Kabel (PK1:Voltan Rendah)	3	Kaji Semula
	Pencantum Kabel (PK2:Voltan Sederhana)	3	Kaji Semula
	Penjaga Jentera Elektrik A0	3	Kaji Semula
	Penjaga Jentera Elektrik A1	3	Kaji Semula
	Penjaga Jentera Elektrik A4	3	Kaji Semula
MSNT	PROMOSI	ZON	
	Toward Improving the Quality of NDT Practitioners to Fulfill Client Needs through NOSS	Tengah	
	Improving Competency of NDT Practitioners to Fulfill Client Needs Through Application of New NOSS	Timur	
	Towards Improving the Quality of NDT Practitioners to Fulfill Client Needs Through Application of New NOSS	Sarawak	
	Towards Improving the Quality of NDT Practitioners to Fulfill Client Needs Through Application of New NOSS	Selatan	
	Towards Improving the Quality of NDT Practitioners to Fulfill Client Needs Through Application of New NOSS	Utara	
	Strengthening the National Qualification and Certification of NDT Personnel	Tengah	
	PEMBANGUNAN NOSS	TAHAP	STATUS
	Magnetic Particle Testing (MT) - Welded Construction (Oil & Gas)	1	Kaji Semula
	Magnetic Particle Testing (MT) - Welded Construction (Oil & Gas)	2	Kaji Semula
	Magnetic Particle Testing (MT) - Welded Construction (Oil & Gas)	3	Kaji Semula
	Penetrant Testing (PT) - Welded Construction (Oil & Gas)	1	Kaji Semula
	Penetrant Testing (PT) - Welded Construction (Oil & Gas)	2	Kaji Semula
	Penetrant Testing (PT) - Welded Construction (Oil & Gas)	3	Kaji Semula
	Eddy Current Testing (ET) - Tubes & Plates (Oil & Gas)	1	Kaji Semula
	Eddy Current Testing (ET) - Tubes & Plates (Oil & Gas)	2	Kaji Semula
	Eddy Current Testing (ET) - Tubes & Plates (Oil & Gas)	3	Kaji Semula

JENIS AKTIVITI			
MIHRM	PEMBANGUNAN NOSS	TAHAP	STATUS
	Corporate Communication Support Services	3	Baru
	Corporate Communication Administration	4	Baru
	Corporate Communication Management	5	Baru
	SME Administration Support Services	3	Baru
	SME Administration Management Assistance	4	Baru
	SME Administration Management	5	Baru
MAI	PROMOSI	ZON	
	Promosi SLDN & PPT – 2013 Zon A	Tengah	
	Promosi SLDN & PPT – 2013 Zon B	Selatan	
	Promosi SLDN & PPT – 2013 Zon C	Tengah	
	Promosi SLDN & PPT – 2013 Zon D	Utara	
	Promosi SLDN & PPT – 2013 Zon E	Timur	
	PEMBANGUNAN NOSS	TAHAP	STATUS
	Vehicle Sales and Supports	1	Baru
	Vehicle Sales Operation	2	Baru
	Vehicle Sales Supervision	3	Baru
	LPS Process Flow Operation	3	Baru
	LPS Jidoka Operation	3	Baru
	LPS Jidoka Management	4	Baru
	LPS JIT Management	4	Baru
	LPS Operation and Management	5	Baru
AMIM	PROMOSI	ZON	
	Seminar Promosi SKM 2013	Sabah / Sarawak	
	Seminar Promosi SKM 2013	Semenanjung	
	PEMBANGUNAN OA		
MISIF	Occupational Analysis - Sector Ship Building and Ship Repair		
	PROMOSI	ZON	
MPOB	Aktiviti Promosi NOSS	Concord Hotel S. Alam	
	PROMOSI	ZON	
PRASARANA	Aktiviti Promosi Latihan Kemahiran	Selatan	
	Aktiviti Promosi Latihan Kemahiran	Sarawak	
PRASARANA	PROMOSI	ZON	
	Aktiviti mempromosi SKM - NOSS, SLDN & PPT	Tengah	

JENIS AKTIVITI

JKM	PROMOSI	ZON	
	Promosi ILB	Tengah	
	Promosi ILB	Timur	
	Promosi ILB	Sabah /Sarawak	
	PEMBANGUNAN NOSS	TAHAP	STATUS
	Junior Social Welfare Practitioner	3	Baru
	Social Welfare Practitioner	4	Baru
	Senior Social Welfare Practitioner	5	Baru
	Special Needs Children Care & Education Practice	3	Baru
	Special Needs Children Care & Education Administration	4	Baru
GREENTECH	Children Caregiver Practice	3	Baru
	Children Caregiver Administration	4	Baru
	Children Caregiver Management	5	Baru
	PROMOSI	LOKASI	
GREENTECH	Green Technology Stakeholders Engagement Workshop	Putrajaya Shangri-La	
	Seminar On Certifying Existing Workforce In The Energy Efficiency Sub-Sector Through Accreditation Of Prior Experience	Putrajaya Marriott	
	Seminar On Certifying Existing Workforce In The Renewable Energy Sub-Sector Through Accreditation Of Prior Experience	Sama-Sama Hotel Klia Sepang	
AIF	PEMBANGUNAN NOSS	TAHAP	STATUS
	Family Takaful And Life Insurance Underwriting	4	Baru
	Family Takaful And Life Insurance Underwriting Operations Administration	5	Baru
	PEMBANGUNAN OA		
	Occupational Analysis - Insurance		



Beberapa aktiviti ILB Sepanjang Tahun 2013



Sesi Temubual Bersama YAB Dato' Paduka Mukhriz Bin Tun Dr. Mahathir D.H.M.S, D.S.N.S bagi program promosi SLDN dan PPT di Kedah pada 1 November 2013

5.3 Program *SkillsMalaysia Partnership* (SMP)

Melalui *SkillsMalaysia Partnership*, aktiviti hubungan dan kerjasama strategik Jabatan bersama industri dapat diselaras dan diperkukuhkan khususnya dalam aktiviti pembangunan sumber manusia mahir berdasarkan objektif berikut:

- Meningkatkan aktiviti jabatan dalam pembangunan sumber mahir melalui latihan kemahiran;
- Mengenalpasti dan mewujudkan program kerjasama dengan industri/majikan/ sektor swasta atau pihak yang berpontensi; dan
- Menyelaras dan melaksanakan projek dan program di dalam usaha pembangunan sumber manusia berkemahiran tinggi.

Sepanjang tahun 2013, pelbagai aktiviti dan jalinan kerjasama di wujudkan bagi meningkatkan persepsi positif dan penerimaan SPKM di kalangan penyedia latihan TVET dan pemain utama industri sama ada persijilan melalui kaedah Pusat Bertauliah, SLDN atau PPT. Antara agensi yang terlibat adalah seperti di Jadual 5.2:

Jadual 5.2:
Agensi yang terlibat dalam jalinan kerjasama

BIL	ORGANISASI	BIDANG
1	Iris Corporation Berhad	Pertanian & Asas Tani Pendidikan & Perkhidmatan Latihan
2	Edu- International Sdn Bhd (EISB)	Hospitaliti
3	Malaysia-German Chamber Of Commerce And Industry (MGCC)	Pengurusan Bisnes
4	Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB)	Penerbangan
5	Sime Darby	Kelapa Sawit Dan Hasil Kelapa Sawit
6	IPEC Bureau Sdn Bhd	Kosmetologi
7	Chemical Company Of Malaysia Berhad (CCM)	Perubatan & Farmaseutikal
8	Felda	Sumber Asas
9	Pos Malaysia	Pembekal Sistem Logistik Bersepadu
10	Lim Kok Wing University Of Creative Technology (LUCT)	Kreativiti Dan Inovasi



Lawatan ke Kilang Pemprosesan Minyak Sawit Sg pancing, FELDA Kuantan



Jemputan Perasmian Buku The Future Is Coming Oleh LUCT



Selain itu, Unit *SkillsMalaysia Partnership* juga memainkan peranan dalam mewujudkan kerjasama yang erat dengan badan-badan penguatkuasa di Malaysia. Ini bertujuan memperkukuhkan pengiktirafan persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dengan mewajibkan pekerja dalam sektor pekerjaan terpilih untuk memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Badan-badan penguatkuasa yang berkerjasama dengan jabatan adalah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Jabatan Alam Sekitar Malaysia (EiMAS).

5.3.1 Pelaksanaan Program Promosi PPT-PSMB

Program Promosi PPT-PSMB merupakan program kerjasama antara jabatan dan Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bagi mengiktiraf keterampilan dan pengalaman yang dimiliki pekerja di industri dengan Persijilan Kemahiran

Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

Program Promosi PPT-PSMB bermula pada tahun 2012 dengan peruntukkan dana sebanyak RM 1 juta daripada pihak PSMB kepada majikan-majikan yang mencarum bagi tujuan persijilan pekerja melalui kaedah PPT. Di atas permintaan dan maklum balas yang memberangsangkan, pihak PSMB telah menambah dana yang disediakan daripada RM 1 juta kepada RM 3 juta bagi permohonan PPT sehingga tahun 2015. Sebanyak 32 lokasi seminar telah diadakan di seluruh Malaysia oleh pihak JPK bagi mempromosikan Program PPT-PSMB yang melibatkan 503 buah syarikat dan peserta seramai 885 orang. Jadual 5.3 menunjukkan jumlah penyertaan syarikat ke Program Seminar Promosi anjuran JPK & PSMB sepanjang 2013.

Jadual 5.3:
Penyertaan syarikat Bagi Program Seminar
PPT-PSMB

Bil	Wilayah	Jumlah Syarikat
1	Tengah	283
2	Timur	22
3	Selatan	85
4	Utara	50
5	Sabah	23
6	Sarawak	40



Seminar PPT-PSMB di Klang

5.4 Kerjasama Strategik Bersama Industri

Beberapa perjanjian kerjasama dan persefahaman strategik telah dimeterai pada tahun 2013 yang melibatkan Jabatan dengan pihak industri dan agensi kerajaan lain. Sepuluh (10) perjanjian persefahaman antara JPK bersama industri telah di laksanakan pada tahun 2013 seperti di bawah:

- i) Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPK dan Edu- International Sdn Bhd (EISB) mewakili Sqottish Qualification Authority (SQA) pada 26 Februari 2013;
- ii) MoU antara JPK dan Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry & German-Malaysian Institute (MGCC-GMI) pada 12 Mac 2013;
- iii) MoU antara JPK dan Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) pada 27 Jun 2013;
- iv) MoU antara JPK dan Universiti Teknologi Kreatif Lim Kok Wing (LUCT) pada 27 September 2013;
- v) MoU antara JPK dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) pada 27 September 2013;
- vi) Kenyataan Bersama (KB) antara JPK dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada 27 September 2013;
- vii) Kerjasama antara JPK dengan "United Motor Works" (UMW);
- viii) Kerjasama antara JPK dengan *Little Wok Kitchen*;
- ix) Kerjasama antara JPK dengan Malaysia Automotive Industry (MAI); dan
- x) Kerjasama JPK dengan lain-lain agensi atau syarikat ternama

5.4.1 MoU antara JPK dan EISB

MoU antara JPK dan EISB adalah merangkumi pembangunan latihan vokasional dan kemahiran di Malaysia melalui persijilan berkembar (*Duel Certification*). Kerjasama ini akan melibatkan proses padanan *National Occupational Skill Standard* (NOSS) dan *UK National Occupational Standard* ("UKNOS"), program promosi bidang kemahiran dan penganugerahan *International Vocational Award (IVA)* bagi calon SPKM yang layak. Kerjasama ini juga akan dijadikan sebagai salah satu platform untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan SKM di seluruh dunia disamping meningkatkan penyertaan lebih ramai pelajar antarabangsa menyertai SPKM.



Kerjasama antara JPK bersama EISB

5.4.2 MoU antara JPK dan Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry & German-Malaysian Institute (MGCC-GMI).

MOU antara JPK dan MGCC-GMI adalah merangkumi seperti maklumat berikut:

- i. Melaksanakan SPKM dalam bidang vokasional melalui SLDN ;

- ii. Menyumbangkan kepakaran dalam pembangunan NOSS dan kurikulum latihan dalam bidang kemahiran; dan
- iii. Mempromosikan program latihan kemahiran secara SLDN.

Kerjasama ini merupakan pelaksanaan *German Dual Vocational Training* yang akan menjadi satu penanda aras yang tepat kepada konsep pelaksanaan SLDN di Malaysia.



Majlis menandatangani Memorandum persefahaman antara JPK-MGCC-GMI pada 12 Mac 2013



Majlis Pelancaran MyCap & Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) diantara CCM – JPK pada 27 Jun 2013

5.4.3 MoU antara JPK dan CCM

MoU antara JPK dan CCM adalah merangkumi pelaksanaan SPKM melalui SLDN dengan memperkenalkan SKM di semua syarikat di bawah CCM Berhad melalui penyertaan aktif CCM Malaysia dalam *Program Upward Mobility Scheme* (UMS) yang melibatkan syarikat GLC di seluruh Malaysia. Kerjasama ini juga bagi menambahbaik laluan kerjaya bagi pekerja bukan eksekutif untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan membantu meningkatkan taraf pendidikan mereka melalui Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan program SLDN. Senarai CCM yang telah ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah SLDN adalah seperti di Jadual 5.4.

Jadual 5.4:
Senarai CCM yang telah ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah SLDN

Bil	CCM Yang Terlibat	Negeri
1	CCM Fertilizers Sdn Bhd	Selangor
2	CCM Chemical Sdn Bhd	Selangor
3	CCM Pharmaceuticals Sdn Bhd	Selangor
4	CCM Berhad	Kuala Lumpur
5	CCM Duopharma (M) Sdn Bhd	Selangor
6	CCM Chemical Sdn Bhd	Johor

5.4.4 MoU antara JPK dan Universiti Teknologi Kreatif Lim Kok Wing (LUCT).

MoU antara JPK dan LUCT adalah merangkumi seperti maklumat berikut:

- Pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) oleh pihak LUCT dengan mewajibkan salah satu syarat iaitu memiliki SKM untuk kemasukan bekerja di Unit Sumber Manusia Bahagian SCD dan pensyarah di Akademi Lim Kok Wing;
- Pelaksanaan artkulasi dengan membenarkan kemasukan terbuka bagi pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) ke LUCT untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi dalam bidang yang bersesuaian;
- Membekalkan kepakaran dan bekerjasama dalam proses pembangunan dan kajian semula NOSS berkaitan;
- Mempersijilkan pelatih yang mengikuti SKM dengan diploma profesional melalui kaedah persijilan berkembar;
- Penglibatan promosi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia dan SkillsMalaysia dalam dan luar negara;
- Pengiktirafan pekerja mahir LUCT melalui PPT dalam bidang berkaitan berdasarkan syarat dan terma yang telah ditetapkan oleh Kerajaan; dan
- Pendaftaran pekerja mahir LUCT dalam DPIN berdasarkan syarat dan terma yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

5.4.5 MoU dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

MoU antara JPK dan MAHB adalah merangkumi pembangunan NOSS, melatih dan mempersiapkan hampir lapan ribu kakitangan MAHB di seluruh Malaysia dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan ke tahap professional. MAHB juga akan menjalankan SPKM di akademi MAHB bagi tujuan mempersiapkan pekerja sedia ada dan generasi baru. MAHB juga telah berkongsi kepakaran bersama JPK dalam pembangunan NOSS baru bagi program *Aeronautical Ground Lighting*, *Baggage Handling* dan *Passenger Loading Bridge*. Kerjasama ini adalah bagi mengarusperdanakan latihan kemahiran negara khususnya dalam bidang pengendalian lapangan terbang dapat direalisasikan.

Di antara pelaksanaan di dalam MoU adalah kerjasama dalam program SLDN di mana MAHB menjalankan latihan untuk persijilan SKM Tahap 3 kepada 50 perantis dalam bidang *Public Transport Terminal Operation* secara SLDN yang melibatkan 4 buah Pusat Latihan dan Syarikat yang telah ditauliahkan seperti Jadual 5.5 di bawah.

Jadual 5.5:
Senarai Malaysia Airport yang terlibat dalam program SLDN

Bil	Lapangan Terbang Yang Terlibat	Negeri
1	Malaysia Airport Training Centre (KLIA)	Kuala Lumpur
2	Malaysia Airport Training Centre (Penang)	Pulau Pinang
3	Malaysia Airport Training Centre (Langkawi)	Kedah
4	Malaysia Airport Training Centre (Subang)	Selangor

5.4.6 Kenyataan Bersama (KB) antara JPK dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

KB antara JPK dan MARA adalah bertujuan bagi mempersiapkan pelajar yang telah menamatkan latihan Program MARA – OISCA di Jepun di anugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kepada tahap yang bersesuaian melalui gabungan penilaian tahap kompetensi pekerja berkenaan dengan mengambil kira pencapaian kompetensi terdahulu serta pelaksanaan program latihan kemahiran SLDN secara *Fast-Track MARA-OISCA*. Kerjasama adalah merangkumi seperti maklumat berikut:

- Mempromosikan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) melalui program SLDN ke luar negara;
- Memberi pengiktirafan kepada pekerja mahir yang berkualiti selaras dengan kehendak Malaysia ke arah menjadi sebuah negara maju;
- Menyediakan peluang peningkatan kemahiran dan kerjaya kepada pelajar yang tamat Program MARA-OISCA dalam bidang teknikal dan vokasional;
- Memberi pemahaman yang lebih jelas mengenai SLDN dan pentingnya pembangunan kemahiran yang berterusan dan pembelajaran sepanjang hayat dalam melahirkan tenaga kerja yang berkualiti bagi menyokong sektor perindustrian negara.

5.4.7 Kerjasama antara JPK dengan *United Motor Works* (UMW)

UMW merupakan sebuah syarikat industri dalam sektor Minyak & Gas Automotif, Peralatan, Pembuatan dan Kejuruteraan. Kerjasama ini adalah bertujuan untuk berkongsi kepakaran dan



Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia Limkokwing University of Creative Technology (LUCT), Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA)

kerjasama dalam pembangunan sumber manusia dan latihan kemahiran dalam bidang-bidang berkaitan melalui program latihan serta inisiatif yang membina.

Strategi pelaksanaan program ini adalah dengan menjalankan sesi taklimat dan lawatan verifikasi

yang melibatkan 12 buah syarikat UMW seperti di Jadual 6. Bagi tujuan pemantapan pelaksanaan SLDN di UMW, sebanyak 2 sesi kursus induksi SLDN telah diadakan melibatkan 10 *coach* dan 16 pengajar dari semua syarikat UMW yang telah ditauliahkan.

Jadual 5.6:
Senarai UMW yang telah ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah SLDN

Bil	UMW Yang Terlibat	Negeri
1	UMW Equipment Sdn. Bhd. (Caw. Kuantan)	Pahang
2	UMW Equipment Sdn. Bhd. (Caw. Bukit Minyak)	Pulau Pinang
3	UMW Equipment Sdn. Bhd. (Caw. Ipoh)	Perak
4	UMW (East Malaysia) Sdn. Bhd. (Caw. Miri)	Sarawak
5	UMW (East Malaysia) Sdn. Bhd. (Caw. Sibul)	Sarawak
6	UMW Corporation Sdn Bhd	Selangor
7	UMW (East Malaysia) Sdn. Bhd. (Caw. Kuching)	Sarawak
8	UMW (East Malaysia) Sdn. Bhd. (Caw. Bintulu)	Sarawak
9	UMW (East Malaysia) Sdn. Bhd. (Caw. Kota Kinabalu)	Sarawak
10	UMW (East Malaysia) Sdn. Bhd. (Caw. Lahad Datu)	Sarawak
11	UMW (East Malaysia) Sdn. Bhd. (Caw. Sandakan)	Sarawak
12	UMW (East Malaysia) Sdn. Bhd. (Caw. Tawau)	Sarawak



Majlis Perasmian Akademi Teknikal UMW dan Pelancaran Program SLDN pada 8 Oktober 2013

5.4.8 Kerjasama antara JPK dengan *Little Wok Kitchen*

Pelaksanaan SLDN di Syarikat *Little Wok Kitchen* merupakan satu kerjasama pintar di antara JPK, rangkaian Restoran *Little Wok Kitchen* dan Majlis Belia Malaysia (MBM). Program yang ditawarkan adalah Penyelia Makanan dan Minuman L-010-1/2/3 dan Penyelia Penyedia Makanan HT-010-1/2/3.

Program ini menyasarkan penyertaan belia dari seluruh negara sama ada yang tidak

menamatkan persekolahan atau yang tidak berkemampuan. Pihak syarikat menawarkan latihan selama 2 tahun sehingga tahap 3 dengan elaun sebanyak RM900 sebulan. Yuran pengajian, tempat tinggal, makan, uniform dan pengangkutan semuanya disediakan untuk kemudahan perantis.

Perantis yang berjaya akan diserap sebagai pekerja tetap di rangkaian Restoran *Little Wok Kitchen* dan berpeluang untuk meningkatkan kerjaya dalam bidang masakan sehingga ke tahap pengurus restoran. Kerjasama ini akan



Majlis Perasmian dan sesi Taklimat Program Perantis Masakan Little Wok Kitchen Malaysia dalam SLDN pada 9 September 2013

diteruskan bersesuaian dengan keperluan syarikat yang makin berkembang untuk membuka lebih banyak cawangan di masa hadapan.

5.4.9 Kerjasama antara JPK dengan Malaysia Automotive Institute (MAI)

JPK juga menjalinkan kerjasama dengan Malaysia Automotive Institute (MAI) untuk mempersijilkan pekerja sedia ada dan pekerja baru bagi persijilan kemahiran Malaysia dalam bidang Pengangkutan, agensi kerajaan

seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam mempersijilkan pekerja sedia ada, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), PERHEBAT dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) khususnya dalam mempersijilkan Ibu-ibu tunggal.

5.4.10 Kerjasama JPK dengan Agensi atau Syarikat ternama

Kerjasama berterusan juga dijalinkan dengan syarikat dan agensi ternama seperti Jadual 5.7 di bawah:

Jadual 5.7:
Kerjasama antara JPK dengan agensi-agensi ternama

Bil	Syarikat/Agensi	Sektor
1	Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd	Maritim
2	Toyo Tyre Manufacturing (Malaysia) Sdn Bhd	Automasi Perindustrian & Mekatronik
3	Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) - Badan Pelaksanaan	
4	HICOM Automotive Manufactures (Malaysia) Sdn Bhd	Pembekal Sistem Logistik Bersepadu & Perindustrian Mekanikal
5	Mydin Mohamed Holdings Bhd	
6	7-Eleven Malaysia Sdn Bhd	Peruncitan
7	Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd	
8	GCH Retail (GIANT)	
9	Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC)	Pertanian
10	Western Digital (M) Sdn Bhd	Elektronik dan Automasi Perindustrian & Mekatronik
11	Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)	Industri Keretapi
12	Rail Academy Rapid KL	Industri Keretapi dan Jentera & Pengangkutan Darat



BAB 6

NADI
PENGGERAK
KEMAHIRAN



NADI PENGGERAK KEMAHIRAN

Bagi melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama yang berpengetahuan dan berinovasi, pembangunan tenaga pengajar menjadi fokus utama JPK. Impak kepada tenaga pengajar yang kompeten adalah lahirnya tenaga kerja mahir yang merupakan aset terpenting dalam pembangunan bidang latihan kemahiran.

6.1 Peningkatan Kerjaya

Bilangan pegawai yang sedang dan telah mendapat Sarjana Muda, Sarjana dan PhD sepanjang tahun 2013 adalah seperti di Jadual 6.1 dan 6.2.

Jadual 6.1:
Senarai nama pegawai yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2013

BIL.	NAMA PEGAWAI	PERINGKAT	PROGRAM	STATUS
1.	Dr. Aruna binti ismail @ Abd wahab	PhD	Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	Konvokesyen Pada Tahun 2013
2.	Dr. Mohd Yusoff Bin Abu Bakar			
3.	Alina Binti A Rahman @ Othman			
4.	Mohd Faisal bin Yusof	Sarjana		
5.	Ros Maria Bt Mat Yeh			
6.	Sulaiha Binti Ali			
7.	Baharil Ilzan Bin Onn			
8.	Bizaisham Bin Bidin			
9.	Nalienaa A/P Muthu			
10.	Azmi Bin Ahmad	Sarjana Muda		
11.	Mohd Farith BIN Adnan			

6.1.1 Konvokesyen Dr. Aruna Binti Ismail @ Abd Wahab

Tajuk Kajian: Pembangunan Kerangka Kelayakan Kemahiran Malaysia (KKKM) Baharu Dalam Konteks Sistem Latihan Dual National (SLDN)

ABSTRAK Kerangka Kelayakan Kemahiran Malaysia (KKKM) digubal untuk mengklasifikasikan kelayakan

kemahiran yang menunjukkan tahap kompetensi yang dicapai. KKKM yang sedia ada menggunakan pendekatan latihan kemahiran berasaskan keterampilan yang berdasarkan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK). Dengan memperkenalkan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), KKKM sedia ada perlu diperbaharui kerana keupayaan untuk menyediakan pekerja mahir dengan perubahan akibat daripada orientasi baru iaitu ke arah proses

Jadual 6.2:**Senarai Nama Pegawai Yang Menyambung Pelajaran Pada Tahun 2013**

BIL.	NAMA PEGAWAI	PERINGKAT	PROGRAM	STATUS
1.	Zool Hilmi Bin Mohamed Ashari	PhD	Technical And Vocational Education	Masih belajar
2.	Nurul Amin Bin Badrul	PhD	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	
3.	Fairus Atida Binti Said	PhD	Kejuruteraan Elektrik	
4.	Rosliza Binti Abdul Hamid	Sarjana	Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Komunikasi)	
5.	Muhamad Riza Bin Ismail	Sarjana	Kejuruteraan mekanikal (Pembuatan)	
6.	Mariyam Jameelah Binti Bahari	Sarjana	Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan	
7.	Nor Shahida Binti Sahlan	Sarjana	Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi)	
8.	Shuhaina Binti Ibrahim	Sarjana	Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi)	
9.	Nur Maizura Binti Mustafa	Sarjana	Kejuruteraan Alam Sekitar	



kerja. Kajian ini mengenalpasti keberkesanan KKKM yang sedia ada melalui Persijilan Kemahiran Malaysia bagi kelayakan juruteknik automotif pada SKM Tahap 3 untuk melahirkan pekerja berpengetahuan (K-pekerja). Kajian menggunakan rekabentuk penyelidikan kualitatif yang berlandaskan pendekatan fenomenologi dengan menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian. Bagi tujuan pengumpulan data, pemilihan responden kajian adalah mereka yang mempunyai pengalaman lebih daripada lima tahun dalam bidang automotif serta memahami latihan berasaskan SKPK dan SLDN. Data analisis digabungkan membentuk kategori dan tema yang digunakan serta membangunkan satu kerangka kelayakan baru bagi menunjukkan hubungan yang wujud antara kategori di dalam kajian. Kajian ini mendapati bahawa SKPK baru akan menyediakan pekerja mahir yang tidak terhad pada sesuatu tugas tetapi memahami keseluruhan proses kerja untuk

menghadapi cabaran terkini disebabkan oleh perubahan teknologi dan proses kerja baru di dalam sesebuah organisasi. Kedua, SLDN berdasarkan konsep proses kerja membentuk kepada proses orientasi yang lebih luas dengan memenuhi keperluan industri kearah menyediakan pekerja mahir yang memahami proses kerja menyeluruh dan bukan unit atau fungsi tertentu sahaja. Ketiga, berdasarkan data penyelidikan didapati bahawa KKMM baru yang diperlukan bagi kelayakan juruteknik automotif SKM Tahap 3 iaitu mempunyai ciri-ciri yang sejajar dengan dua taksiran iaitu kecekapan profesional (pengetahuan dan kemahiran); dan kecekapan peribadi (kemahiran sosial dan autonomi). Disyorkan KKMM baru ini menggantikan yang sedia ada bagi melahirkan K-pekerja yang diperlukan dalam industri automotif di Malaysia.

6.1.2: Konvokesyen Dr. Mohd Yusoff Bin Abu Bakar

Tajuk Kajian: The Development Of A Curriculum Framework For The National Dual Training System (NDTS) In Malaysia

ABSTRAK Kurikulum merupakan elemen yang paling penting bagi menentukan kejayaan dalam sistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional. Kurikulum sedia ada yang berasaskan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan didapati tidak mampu merealisasikan hasrat ini kerana kaedah yang digunakan telah menimbulkan masalah di mana pekerja yang dilatih tidak memenuhi keperluan industri. Bagi menangani isu ini, Kerajaan Malaysia memutuskan untuk melaksanakan Sistem Latihan Dual Negara (SLDN) pada tahun 2005. Pembangunan kurikulum SLDN telah dimulakan pada 2004 dengan bantuan pakar dan pekerja mahir industri dengan tunjuk ajar perunding antarabangsa. Walau bagaimanapun, didapati pembangunan kurikulum SLDN ini mengambil masa yang sangat lama. Ini telah menyebabkan




UTHM MAJLIS KONVOKEYEN KE-13
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
8-7 OKTOBER 2013

